

BEBERAPA ASPEK BERKAITAN DENGAN NILAI MENGENAI  
ANAK-ANAK

(Kajian di dalam masyarakat (khusus keluarga nelayan)  
Melayu, di Mukim Pengkalan Bharu, Perak.)

Oleh

No. Matrik 033630

Latihan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada  
Syarat-Syarat Untuk Ijazah Sarjana Muda

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

SESSI 1980/81

### PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih khas, saya sampaikan kepada penyelia saya, Encik Hadi Zakaria, kerana telah sudi memberi bimbingan, syor-syor dan teguran, yang sangat saya perlukan dalam masa menyediakan Latihan Ilmiah ini.

Tidak lupa ucapan terima kasih saya untuk Puan Mazidah Hj. Zakaria kerana telah membimbing saya diperingkat awalnya.

Saya berterima kasih juga kepada Encik Shahabuddin, bekas penghulu Mukim Pengkalan Bharu dan penolong nya Encik Jamaluddin Md. Nor, kerana kerjasama mereka ketika penyelidikan luar dahulu.

Akhir sekali saya ucapkan terima kasih kepada semua penduduk-penduduk di kawasan kajian kerana sudi berkerjasama di dalam menjayakan kajian ini.

Jabatan Antropologi dan Sosiologi,  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
University Malaya,  
Kuala Lumpur.

No. Matrik  
033630

## KANDUNGAN

M.S.

Bab I:	PENGENALAN	1
1.	Tujuan Kajian.	1
2.	Kepentingan Kajian.	3
3.	Kaedah Kajian.	3
	i) Pemilihan dan ciri-ciri responden.	3
	ii) Latarbelakang kawasan kajian.	5
	iii) Cara memungut data - data.	7
Bab II:	KONSEP DAN TEORI	9
Bab III:	NILAI ANAK-ANAK DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU (NELAYAN)	27
1.	Kebaikan mempunyai anak ditinjau dari sudut ekonomi.	27
2.	Pengharapan ke atas anak-anak dari sudut ekonomi.	30
3.	Cita-cita terhadap pelajaran anak-anak.	32
4.	Kesan membayai pelajaran anak-anak.	34
5.	Harapan untuk tinggal bersama anak-anak.	36
6.	Harapan untuk bergantung di hari tua.	37

7. Kos anak-anak dari sudut ekonomi.	38
8. Nilai anak-anak di tinjau dari sudut bukan ekonomi.	41
9. Kos anak-anak dari sudut bukan ekonomi.	47

Bab IV: MOTIF KESUBURAN DAN KAITANNYA DENGAN NILAI DAN KOS ANAK-ANAK	52
1. Faktor-faktor pendorong kepada motivasi Kesuburan yang Tinggi Dari Sudut	
i) Bukan ekonomi	55
ii) Dari Sudut Ekonomi	55
2. Faktor-faktor pendorong kepada motivasi Kesuburan yang Rendah Dari Sudut	
i) Bukan Ekonomi	56
ii) Dari Sudut Ekonomi	57
3. Motivasi Kesuburan Di Kalangan Wanita Dan Faktor-Faktor yang Mungkin Mempengaruhinya.	58

Bab V:	KAITAN DI ANTARA KEADAAN SAIZ FAMILI, AMALAN PERANCANGAN KELUARGA DAN FAKTOR- FAKTOR YANG MEMPENGARUHI AMALAN PERANCANGAN KELUARGA.	64
1.	Ragam dan keadaan saiz famili sebenar,	65
2.	Kaitan antara keadaan saiz famili, amalan perancangan keluarga dan faktor-faktor yang mempengaruhi amalan perancangan keluarga. (Tinjauan di kalangan responden wanita).	67
3.	Kaitan antara keadaan saiz famili, amalan perancangan keluarga dan faktor-faktor yang mempengaruhi amalan perancangan keluarga. (Tinjauan di kalangan responden lelaki).	78
Bab VI:	PENUTUP	87
Lampiran.		89
Bahan Rujukan.		97
1.	Jurnal S.71: Kajian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi amalan perancangan keluarga.	36
2.	Jurnal S.71: Kajian untuk mendekati dan menyelesaikan masalah.	37
3.	Jurnal S.71: Kajian penyelesaian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi amalan perancangan keluarga.	38

## 15. Jadual 3.11: Relasional pertama dan kedua

## JADUAL-JADUAL

1. Jadual 1.1: Taburan Umur Responden (mengikut jantina).	4
2. Jadual 3.1: Kekerapan pendapat tentang kebaikan mempunyai anak, dari sudut ekonomi.	28
3. Jadual 3.1 (a): Kekerapan pendapat tentang kebaikan mempunyai anak, dari sudut ekonomi, (mengikut responden lelaki dan wanita).	29
4. Jadual 3.2: Pengharapan bantuan ekonomi dari anak lelaki.	30
5. Jadual 3.3: Pengharapan bantuan ekonomi dari anak perempuan,	31
6. Jadual 3.4: Cita-cita terhadap pencapaian pelajaran anak-anak lelaki.	32
7. Jadual 3.5: Cita-cita terhadap pencapaian pelajaran anak-anak perempuan.	33
8. Jadual 3.6: Kesan membiasai pelajaran anak-anak.	34
9. Jadual 3.7: Harapan untuk tinggal bersama anak-anak kelak.	36
10. Jadual 3.8: Harapan untuk bergantung di hari tua.	37
11. Jadual 3.9: Kekerapan pendapat tentang keburukan mempunyai anak-anak. (Dari sudut ekonomi).	41

13. Jadual 3.11: Kekerapan pendapat tentang keburukan atau kos mempunyai anak. (Dari sudut bukan ekonomi) 47
14. Jadual 4.1: Jumlah responden yang mengkehendaki, tidak mengkehendaki atau kurang pasti samaada mahu, anak lagi. (Satu perbandingan di antara responden lelaki dan wanita). 54
15. Jadual 4.2: Jumlah responden wanita yang mengkehendaki, tidak mengkehendaki atau kurang pasti samaada mahu, anak lagi. 58
- (Jadual 4.31) - n.s. -
- (Integriti 2, Rangking 2) 72
- (Integriti 2, Rangking 3) 73

16. Jadual 4.3: Jumlah responden lelaki yang mengkehendaki, tidak mengkehendaki, atau kurang pasti samaada mahu, anak lagi. 61
17. Jadual 5.1: Amalan perancangan keluarga dan kaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya. (Kategori 1, Kumpulan A) 67
18. Jadual 5.2: Amalan perancangan keluarga dan kaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya. (Kategori 2, Kumpulan B) 69
19. Jadual 5.3: Amalan perancangan keluarga dan kaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya. (Kategori 2, kumpulan C) 71
20. Jadual 5.4: - sama -  
(Kategori 2, Kumpulan D) 72
21. Jadual 5.5: - sama -  
(Kategori 2, Kumpulan E) 73

22. Jadual 5.6: - sama -

(Kategori 2, Kumpulan F)

74

23. Jadual 5.7: - sama -

(Kategori 3, Kumpulan G)

75

24. Jadual 5.8: "

(Kategori 3, Kumpulan H)

77

25. Jadual 5.9: "

(Kategori 1, Kumpulan A)

79

26. Jadual 5.10: - sama -

(Kategori 1, Kumpulan B) 80

27. Jadual 5.11: " Realisti (Interview Schedule)

28. Jadual 5.12: " Interview schedule approach

(Kategori 2, Kumpulan D) 81

28. Jadual 5.12: "

(Kategori 2, Kumpulan F) 83

29. Jadual 5.13: "

(Kategori 3, Kumpulan G) 84

## LAMPIRAN

Latihan Diklat dan kesuplaian untuk kerjaan menghadapi

1. Lampiran A: Soal selidik (Interview Schedule) dengan tujuan kebaikan. Soal ini juga menilai sejauh mana faktor-faktor yang membentuk kebaikan di dalam keluarga. Soal ini di bekalkan di Universiti Malaya (Universiti Kebangsaan Malaysia) Selangor.
2. Lampiran B: Kategori kebaikan mempunyai anak. Faktor-faktor yang membentuk kebaikan di dalam keluarga. Soal ini di bekalkan di Universiti Malaya (Universiti Kebangsaan Malaysia) Selangor.

Bab tiga bahagian ini membincangkan sebab sejauh mana faktor-faktor masyarakat, ekonomi-sosial dan pengetahuan yang digunakan dan diperlukan paling penting bagi mendekati kebaikan ini.

Bab empat bahagian ini membincangkan sebab sejauh mana faktor-faktor masyarakat, ekonomi-sosial dan pengetahuan yang digunakan dan diperlukan paling penting bagi mendekati kebaikan ini.

Bab lima bahagian ini membincangkan sebab sejauh mana faktor-faktor masyarakat, ekonomi-sosial dan pengetahuan yang digunakan dan diperlukan paling penting bagi mendekati kebaikan ini.

Bab sepuluh bahagian ini membincangkan sebab sejauh mana faktor-faktor masyarakat, ekonomi-sosial dan pengetahuan yang digunakan dan diperlukan paling penting bagi mendekati kebaikan ini.

### SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini merupakan satu kajian mengenai nilai positif dan negatif anak-anak, dan kaitan nya dengan motivasi kesuburan. Kajian ini juga meninjau serba sedikit mengenai saiz famili, amalan perancangan keluarga dan faktor-faktor yang mungkin atau boleh mempengaruhi amalan perancangan keluarga. Kajian ini di lakukan di dalam masyarakat (Khusus Keluarga Nelayan) Melayu.

Dalam bab pertama, penulis memberikan serba sedikit perkara-perkara mengenai kepentingan dan tujuan kajian, serta kaedah kajian.

Bab dua menghuraikan konsep-konsep, teori-teori dan pendekatan yang digunakan dan dijadikan panduan untuk kajian ini.

Bab tiga pula memumpukan pada aspek nilai dan kos anak-anak dari sudut ekonomi dan bukan ekonomi, serta setakat mana ia boleh diapplikasikan pada masyarakat yang di kaji.

Bab empat pula melihat motivasi kesuburan dan kaitan kaitan nya dengan nilai dan kos anak-anak.

Bab lima, perhatian diberi pada perbincangan mengenai kaitan saiz famili, amalan perancangan keluarga dan faktor-faktor yang mempengaruhi amalan perancangan keluarga.

Bab akhir, memberi kata dua tentang keseluruhan kajian ini dan saranan-saranan pada aspek tertentu, terutama dalam hal perancangan keluarga.

## BAB SATU

### PENGENALAN

Anak biasanya dianggap sebagai sesuatu yang mestilah dalam satu-satu ikatan perkahwinan. Tetapi mengapa orang-orang mahukan anak? Mungkin anak diperlukan untuk kesejahteraan keluarga, untuk keperluan sosial dan mungkin anak ditanggapkan sebagai satu akibat semula jadi dari perkahwinan.

Kebanyakan ibu bapa mempunyai motif mengkehendaki anak, tetapi hanya mereka tidak begitu sedar tentang motif yang tersirat di dalam diri mereka dan kepentingan di sebalik motif untuk mempunyai anak.

Di sebalik itu, anak juga boleh menimbulkan masaalah kepada ibu bapa di dalam proses membela dan mendidik mereka.

#### 1. Tujuan Kajian

Di dalam kajian nilai-anak-anak ini, pertama nyata, penulis ingin melihat nilai yang diletakkan ke atas anak-anak oleh ibu bapa di kalangan keluarga Melayu nelayan. Kajian ini cuba mengidentifikasi nilai-nilai

yang utama yang diletakkan pada anak-anak oleh ibu bapa. Ini akan dilakukan dengan mengemukakan soalan-soalan tentang kebaikan dan keburukan mempunyai anak dan soalan tentang pengharapan dari segi ekonomi dan cita-cita terhadap pelajaran anak-anak. Ini melibatkan faktor motivasi seperti dorongan motif kepuasan dan juga motif 'avoidance' yang melibatkan kos.

Kedua, akan diidentifikasi faktor-faktor dalam konteks sosio-budaya, ekonomi dan saikologi, yang boleh mempengaruhi dalam pembentukan nilai terhadap anak-anak.

Fokus yang ketiga dalam kajian ini ialah ingin melihat samaada nilai dan kos anak-anak boleh mempengaruhi motivasi kesuburan. (fertility behaviour)

Penulis juga akan melihat keadaan saiz famili semasa, serta setakat mana saiz famili yang diharapkan telah dicapai, gagal dicapai atau diramalkan boleh atau tidak akan dicapai. Ini akan dilakukan dengan melihat faktor yang menentukan saiz famili seperti amalan perancangan keluarga dan faktor-faktor yang mungkin menghalang atau mendorong pengamalan perancangan keluarga.

## 2. Kepentingan Kajian

Apabila mengkaji tentang anak-anak, seseorang itu akan mempersoalkan dan membincarakan soal-soal mengenai sikap ibu bapa terhadap anak-anak, di pandang dari sudut penilaian ibu bapa terhadap anak-anak.

Kajian ini membincarakan bagaimana satu-satu nilai-nilai itu ujud dan mempengaruhi ibu bapa. Kajian ini juga penting sebab kita dapat melihat bagaimana nilai-nilai yang dipegang oleh ibu bapa itu mempengaruhi kesuburan.

Jadi akhirnya, kajian ini memberi faedah kepada pihak-pihak perancang sosio-ekonomi dalam usaha untuk merancang dasar mengenai kependudukan atau demografi. Di samping itu juga kajian ini memberi faedah kepada Jabatan Perancangan Keluarga dalam usaha pihak itu menjalankan program-program perancangan keluarga, di mana kajian ini bernilai memberi pandangan tentang sebab-sebab ketinggian kadar kesuburan dalam satu-satu masyarakat itu.

## 3. Kaedah Kajian

### i) Pemilihan Ciri-ciri Respondan

#### Ciri-ciri Respondan

Mereka mestilah:

- (i) Suami isteri yang tinggal bersama dan mempunyai sekurang-kurang nya seorang anak.
- (ii) Suami isteri dan anak yang membentuk satu keluarga nelayan.
- (iii) Wanita nya seboleh-boleh nya tidak kurang dari 15 tahun dan tidak lebih dari 50 tahun.
- (iv) Lelaki, seboleh-boleh nya tidak kurang dari 20 tahun, usia nya.

Taburan Umur Responden (Jadual I.I)

Responden Lelaki			Responden Wanita		
Umur	Jumlah	%	Umur	Jumlah	%
21 - 30	13	26	15 - 20	-	0
31 - 40	23	46	21 - 30	27	54
41 - 50	13	26	31 - 40	20	40
51 ke atas	1	2	41 - 50	3	6
	50	100		50	100

#### Cara-cara Memilih Responden

Pada masa kajian luar, seramai 105 orang pasangan suami isteri dari 3 buah kampung iaitu Kg. Panchor, Kg. Matang Acheh dan Kg. Sg. Tuntung telah dipilih, yang mana terdiri dari 105 orang suami dan 105 orang isteri. Mereka

semua berbangsa Melayu. Ini berserta dengan ciri-ciri respondan saperti yang dinyatakan awal tadi, merupakan 'quota-controls' yang bertujuan untuk meletakkan unsur bias di paras yang serendah mungkin.

Pemilihan 105 orang pasangan suami isteri ini, dilakukan dengan cara 'non-random' berbentuk 'quota-sample' dimana pasangan dipilih mengikut mana-mana yang dapat memenuhi ciri-ciri dalam 'quota-controls'.

Pemilihan terakhir seramai 50 orang pasangan suami isteri, dari 105 orang pasangan tadi, (krusus untuk Latihan Ilmiah ini), telah dilakukan secara random, iaitu menggunakan cara lottery.

### iii) Latar-belakang Kawasan Kajian

#### a) Kedudukan Kampung-kampung dari Aspek Geografi

Ketiga-tiga buah kampung ini terletak di mukim Pengkalan Bharu, Perak. Di atas peta topografi, kampung-kampung ini seakan-akan membentuk saperti 3 segi - Kg. Panchor di bahagian utara, Kg. Sg. Tuntung di bahagian selatan dan Kg. Matang Acheh di bahagian Timur. Jarak di antara ketiga-tiga buah kampung ini ialah antara 1 -  $2\frac{1}{2}$  batu sahaja. Pekan Pantai Remis merupakan pekan terbesar yang berhampiran dengan ketiga-tiga

buah kampung ini. Kg. Panchor dan Kg. Sg. Tuntung terletak menjajari sebatang jalan yang menghala dari Pekan Pantai Remis di Selatan ke Taiping di Utara.

b) Jumlah Penduduk

Mengikut Banci 1980

- (i) Kg. Panchor - berjumlah tepat 1,600 orang, termasuk jumlah penduduk Cina, Bagan Panchor.
- (ii) Kg. Sg. Tuntung - lebih kurang 600 orang.
- (iii) Kg. Matang Aceh - berjumlah tepat 450 orang.

c) Aktiviti Ekonomi

Aktiviti ekonomi di ketiga-tiga buah kampung ini adalah berbagai, seperti menangkap ikan, bersawah padi dan lain-lain pekerjaan seperti memandu lori dan bas, bekerja di kilang dan ada yang membuat 'odd jobs'. Terdapat juga di mana aktiviti menangkap ikan dan bersawah padi dilakukan silih berganti mengikut musim atau cara serentak, di mana suami ke laut dan isteri ke bendang.

d) Kemudahan Awam

Di ketiga-tiga buah kampung ini terdapat kemudahan pengangkutan seperti perkhidmatan bas dan teksi. Juga terdapat kereta-kereta sewa persendirian yang menyediakan perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di

kampung-kampung itu. Di tiap-tiap kampung terdapat madrasah atau surau, balai orang ramai, wakil pos dan kedai-kedai runcit. Di kampung Panchor, terdapat sebuah sekolah rendah, sebuah padang permainan dan sebuah klinik.

### iii) Cara Memungut Data-Data

'Interview Schedule' telah digunakan.

'Interview Schedule' yang digunakan ketika 'fieldwork' dahulu, merupakan soalan-soalan tertentu yang di pilih dari soal selidik asal - dalam Fred Arnold et al, 'Value of Children' vol. (1), 1975. Tetapi 'interview schedule' untuk Latihan Ilmiah ini mengambil hanya beberapa bahagian yang perlu dari 'interview schedule' yang digunakan ketika kajian luar itu. Ini bertujuan untuk menyesuaikan dengan tujuan kajian Latihan Ilmiah ini.

Soalan-soalan yang dikemukakan di dalam 'interview schedule' ini cuba meninjau soal-soal yang boleh menentukan nilai dan kos anak-anak. Juga soalan-soalan yang cuba meninjau saiz famili yang dikehendaki dan saiz famili yang sebenar satu soalan mengenai amalan perancangan keluarga.

Respondan telah di tanya secara 'formal', berpandukan kepada 'interview schedule'. Selain dari itu

metode 'informal interview' digunakan untuk mengetahui lain-lain hal yang ada kaitan dengan soalan-soalan di dalam 'interview schedule'. Metode pemerhatian am telah juga digunakan.

#### KONSEP

Konsep-konsep seperti nilai dan kepercayaan digunakan di dalam teori-teori ini. Dari sekian banyak pengertian tentang lebih jauh lagi, apakah yang dimaksud nilai dan kepercayaan?

#### Nilai

Terimakasih atas pengertian definisi tentang nilai yang diberikan oleh Michael W.J. Thomas, Clyde Kluckhohn, Meadow, Terdapat beberapa ahli politik sosial,

seperti mengatakan yang berdasarkan berbagai macam nilai itu terkandung di dalam "socialist" atau "demokratik" object, tetapi di dalam "existing object" tidak banyak yang mengakui. Mead (1961), Meadow (1962) dan Kluckhohn dan Strodtbeck (1961) mengatakan nilai adalah orientasi yang terkandung di dalam "existing object".

Mead (1961), mengidentifikasi nilai dengan keperluan manusia peribadi,

## BAB DUA

### KONSEP DAN TEORI

#### Konsep

Konsep-konsep saperti nilai dan kos akan sering digunakan di dalam kajian ini. Jadi, adalah perlu untuk mengetahui dengan lebih jelas lagi, apa-apa kah maksud nilai dan kos ini.

#### Nilai

Terdapat berbagai-bagai definisi tentang nilai saperti yang dibuat oleh W.I. Thomas, Clyde Kluckhon, Maslow, Morris dan lain-lain ahli sains sosial.

Terdapat pandangan yang berbeza-beza tentang samaada nilai itu terkandung di dalam 'desired' atau 'desirable' object, ataupun di dalam 'desiring object' iaitu orang-orang yang mengkehendaki. Morris (1956), Maslow (1959) dan Kluckhon dan Strodtbeck (1961) mengatakan nilai adalah orientasi yang terkandung di dalam 'desiring object'.

Maslow (1961), mengidentifikasi nilai dengan keperluan asas peribadi.

W. I. Thomas mengatakan bahawa, "the target of any person's attitude becomes a value". (Thomas & Znaniecki, 1918) iaitu nilai terbentuk apabila sikap seseorang itu mempunyai tujuan tertentu.

Bagi Clyde Kluckhon, nilai adalah "...a conception explicit or implicit, distinctive of an individual or characteristic of a group of the desirable which influences the selection from available modes, means and ends of action." (1957: 395).

Satu elemen yang serupa dalam definasi-definasi di atas ialah, nilai mengandungi kriteria atau ukuran-ukuran untuk menilai perlakuan manusia dan akibat-akibat nya. Kriteria ini boleh di applikasikan secara projektif kepada perlakuan yang akan dilakukan, dan secara retrospektif kepada perlakuan yang lalu. Ini juga boleh di applikasikan secara haipothetikal ke atas perlakuan yang berkemungkinan dan akibat-akibat nya. Dalam hubungan dengan perlakuan, nilai dilihat sebagai alat untuk melihat ciri-ciri dalam berbagai-bagai perlakuan sosial dan struktur sosial. (Bulatao, Rodolfo, 1975).

Konsep Kos Kos merujuk kepada apa-apa yang mesti ditinggalkan

atau dikorbankan demi untuk mendapatkan satu nilai dengan menggunakan mana-mana satu cara yang tertentu. (L. Hoffman, 1972: 28 - 29). Thomas Espenshade pula mengatakan bahawa 'kos' merupakan keburukan mempunyai anak.

Dari kajian-kajian yang lalu tentang nilai anak-anak, kedua-dua nilai dan kos boleh dibahagikan kepada dua iaitu ekonomi dan bukan ekonomi. Nilai ekonomi melibatkan fungsi anak sebagai dapat memenuhi keperluan dan harapan ekonomi ibu bapa, sementara kos ekonomi adalah yang bersabit dengan beban dan tanggong jawab kewangan dalam membesar dan mendidik anak-anak. Nilai bukan ekonomi melibatkan fungsi anak sebagai memenuhi kehendak saikologi dan emosi ibu bapa, sedangkan kos <sup>bukan</sup> ekonomi melibatkan beban dan tanggong jawab bersabit dengan saikologi dan emosi ibu bapa, contoh nya risau tentang perkembangan moral dan saikologi anak-anak dan lain-lain ketegangan dan kecemasan yang berpunca dari anak-anak.

### Pendekatan Teoritikal

Kajian ini mengambil pendekatan am yang melibatkan pertimbangan ekonomi dan pertimbangan terhadap faktor-faktor bukan ekonomi. Pertimbangan ekonomi melihat nilai anak-anak sebagai memenuhi fungsi ekonomi satu-satu keluarga itu. Di sebalik itu, nilai negatif atau kos dari segi ekonomi juga

boleh menentukan bagaimana ibu bapa menilai anak-anak dan mempengaruhi motivasi kesuburan.

Anak-anak boleh dinilai melalui keperluan saikologi ibu bapa yang melibatkan emosi. (Hoffman dan Hoffman, 1973). Penilaian ini melibatkan fungsi anak sebagai memenuhi keperluan keluarga dan juga sebagai memenuhi fungsi dalam masyarakat, iaitu dalam mana-mana unsur-unsur norma-norma sosial yang dipentingkan.

Di sebalik itu, terdapat apa yang disifatkan sebagai nilai negatif dari segi bukan ekonomi yang melibatkan tanggung jawab bersabit dengan saikologi (Hoffman & Hoffman, 1973: 63) dan ketegangan emosi. (Arnold et al, 1975 : 9).

Pertimbangan dari sudut ekonomi. (melibatkan kesejahteraan dan keselamatan)

Mengapa seseorang itu mahukan anak bergantung kepada nilai ekonomi yang dapat diperolehi dari anak itu. Ahli-ahli ekonomi seperti Becker, dan Leibenstein, misal nya, pernah menyarankan beberapa perkara yang melibatkan fungsi ekonomi anak-anak terhadap ibu bapa. Di sini diambil kira keperluan dan harapan ekonomi ibu bapa terhadap anak-anak yang mana boleh melahirkan nilai berbentuk ini.

dalam banyak masyarakat, manusia mahukan anak kerana mereka mengharapkan anak itu dapat memberi sumbangan pada keluarganya. (Arnold et al, 1975: 41)

Aline K. Wong, pernah membuat ulasan tentang beberapa hasil kajian-kajian 'Value of Children' oleh beberapa pengkaji yang menunjukkan - 'For the rural group - economic utility of children come to the fore with respect to current economic contribution and security in the parent old age'. (Aline K. Wong, 1977 :67)

Bagi kebanyakan ibu bapa, anak-anak merupakan sumber 'psychic income' atau kepuasan. Dalam istilah ekonomi, ini bererti anak-anak sebagai 'consumption goods', anak-anak dalam jangkamasa panjang berguna kepada keluarganya dari segi kemungkinan kenaikan dalam pendapatan keluarga itu. Pandangan begini menganggap anak-anak sebagai agen pengeluaran dan barang-barang gunaan. (Becker, 1976: 172)

Menurut H. Leibenstein (1957: 161), terdapat 3 jenis nilai ekonomi atau kegunaan anak-anak. Nilai yang pertama melihat anak sebagai 'consumption goods' iaitu sebagai sumber kepuasan peribadi untuk ibu bapa. Nilai yang kedua ialah nilai yang dikaitkan dengan anak-anak itu sebagai agen pengeluaran, iaitu pada satu titik, di mana anak itu dijangkakan

akan menyertai pasaran buruh dan memberi sumbangan kepada pendapatan keluarga nilai yang ketiga, dikaitkan dengan kemungkinan anak itu sebagai sumber perlindungan ketika ibu bapa sudah tua.

Walaupun terdapat banyak 'non-child goods' dan 'services' yang bersaingan dengan pekerjaan melahirkan dan memelihara anak, namun tidak satu pun boleh menggantikan anak. Pengganti yang benar-benar rapat bagi anak-anak ialah mempunyai anak yang berkualiti berbeza-beza. (Carvajal dan Geithmen, 1976 : 38)

Anak-anak yang 'high quality' adalah anak-anak di mana ibu bapa menginginkan nilai yang tinggi oleh sebab terdapat pertambahan perbelanjaan bagi tiap-tiap anak. (Becker, 1960 : 211)

Mengikut Friedlander dan M. Silver, "what opportunities for social mobility exist, parents will be inclined to have higher expenditures per child ..... in order for the child to maintain or surpass the social and economic status of his parents." (S. Friedlander dan M. Silver - a Quantitative study of the Determinants of Fertility Behaviour. Demography 4, 1967 : 30 - 70)

"Parents in different income strata, would be expected to encounter different pressures to rear 'quality' children." (Geithmen and Carvajal, 1976 : 38)

Konsep 'quality' yang diperkatakan oleh ahli-ahli

melibatkan pengorbanan dari segi kewangan dan lain-lain kepuasan. Anak-anak diharapkan akan dapat memberikan ganjaran kepada ibu bapa pada satu ketika di masa dengan dalam bentuk kewangan atau kedudukan sosial yang lebih tinggi. Bagaimana pun ibu bapa dalam strata pendapatan yang berbeza mesti menghadapi cabaran dan tekanan yang berbeza-beza dalam memelihara anak-anak yang 'berkualiti'.

Jadi nilai ekonomi seseorang anak itu boleh berlaku dalam keadaan semasa dari segi penggunaan tenaga kerja anak-anak di rumah dan lain-lain keuntungan ekonomi, dan dalam keadaan akan datang apabila anak-anak dapat membantu ibu bapa di hari tua. Dari sudut ini anak-anak di nilai sebagai satu bentuk keselamatan sosial. Terdapat di dalam kajian Eva Mueller di Taiwan, yang di petik saperti berikut:

"... in large families there would be more people to earn money as the children grew up, more to support the parents and to help the family financially in other ways." (Mueller, 1972 : 385)

Nilai negatif atau kos juga boleh mempengaruhi sikap ibu bapa terhadap menilai anak-anak di pandang dari sudut ekonomi. Kos ini biasanya melibatkan kos secara langsung atau tidak langsung, di mana kedua-dua nya merupakan keburukan mempunyai anak-anak saperti yang dikatakan oleh Espenshade. (1977 : 5)

ibu bapa memperuntukkan perbelanjaan yang terlibat di dalam membesar dan mendidik anak-anak. Ini termasuk perbelanjaan untuk makan, pakai, pelajaran, hiburan dan lain-lain. Ini dilakukan hingga pada satu titik di mana anak-anak itu dapat berdikari.

Kos tidak secara langsung pula saperti yang dikatakan oleh H. Leibenstein (1957 : 161) melibatkan 'opportunity cost' iaitu peluang-peluang yang dikorbankan oleh ada nya satu lagi tambahan kepada anak. Ini dilihat dalam konteks kehilangan ibu untuk bekerja sebab menjaga anak-anak. Juga kedapatan kelambatan dalam mobilisasi ibu bapa yang mempunyai tanggung jawab keluarga yang besar.

Mengikut Carvajal dan Geithmen (1976 : 37), "Opportunity Cost can be viewed as the income and or utility that may be derived from activities that compete with having and raising children for the parents fixed time resources."

Ini merujuk kepada keadaan di mana ibu bapa terpaksa melepaskan peluang-peluang atau lain-lain aktiviti yang boleh mendarangkan pendapatan dan kegunaan-kegunaan yang lain, akibat daripada menghabiskan masa mereka dengan melahir dan memelihara anak-anak.

Selain dari sudut ekonomi, nilai anak-anak boleh dilihat dari aspek saikologi dan sosial. Apabila disentuh soal aspek saikologi dalam kajian ini, penulis cuba melihat keperluan saikologi ibu bapa, yang boleh menimbulkan motif untuk mempunyai anak. Dengan kata lain, nilai anak-anak dieksperasikan dalam bentuk keperluan saikologi yang melibatkan emosi ibu bapa itu sendiri.

Kadang-kadang nilai anak-anak ini mempunyai kaitan dengan ikatan dan pengaruh norma-norma sosial. Di situ juga dapat dilihat penilaian anak-anak oleh ibu bapa sebagai dapat memenuhi peranan-peranan untuk kekeluargaan dan masyarakat keseluruhannya.

Menurut Hoffman dan Hoffman (1973 : 49), melahirkan anak dengan jalan yang sah, dilihat sebagai perbuatan bermoral dan diterima serta di nilai tinggi oleh masyarakat. Individu itu dianggap tidak mementingkan diri sendiri, mematuhi tradisi keugamaan, mementingkan kesejahteraan masyarakat dan nerma-nerma dalam masyarakat.

Ditinjau dari sudut tradisi kepercayaan masyarakat Yorubas, di Afrika Barat, seorang wanita yang mandul dianggap hina dan kurang berpengaruh di kalangan anggota kelompok nya sendiri. (Talbot, 1969 : 353).

Mengikut Talbot "No doubt this is particularly due to the fact that her unfruitfulness is usually ascribed to some fault of her own, an account of which the 'jujus' or ancestors will not insert a soul in her womb or none of these latter is willing to be incarnated in her."

Di dalam agama Kristian tradisional atau Judeo Christian, E.H. Pohlman mengatakan.

".... children were often viewed as blessings from heaven and barrenness as a curse, sometimes as a punishment for some particular misdeed".  
(Hoffman dan Hoffman, 1973 : 49)

Di kalangan masyarakat tani luar bandar yang berugama Kristian dan Islam, anak-anak dilihat sebagai dapat membantu dalam aktiviti-aktiviti pertanian dan juga sebagai mematuhi kehendak ugama seperti Islam dan Kristian yang menilai tinggi kerjasama dan gotong royong. (Gyorgy T. Ascadi - Traditional Birth Control Method in Yorubaland dalam Culture, Natality and Family Planning, Monographs 21 eds - J.F. Marshall and Steven Polgar : 128).

Di dalam masyarakat Orthodox Jews, yang dinyatakan dalam Hoffman dan Hoffman (1973 : 49) anak lelaki diperlukan untuk tujuan sembahyang ketika ibu bapa mereka meninggal dunia. Di kalangan masyarakat Hindu di India, anak lelaki memainkan peranan penting dalam memohon ampun atau berkat dari Tuhan terhadap ibu bapa mereka yang telah meninggal dunia.  
(Poffenberger dan Poffenberger. 1973 : 144)

Mempunyai anak di anggap sebagai satu perbuatan altruistik sebab ini melibatkan pengorbanan ibu bapa. Kalau ibu bapa itu tidak mahu anak, akan kelihatan manka sebagai tidak bertanggung jawab dan mementingkan diri sendiri.

Rainwater dalam kajian nya mendapati responden lelaki memandang individu yang mahukan saiz famili yang kecil sebagai 'selfish'. Mereka mahu mempunyai ramai anak sebab mahu identify bahawa mereka itu tidak 'selfish'. Jadi kehadiran anak itu dianggap sebagai dapat menjadikan mereka orang yang lebih bertanggung jawab dan berusaha untuk kepentingan anak-anak dan bukan semata-mata untuk diri nya sendiri.

Kajian yang pernah dibuat oleh Rainwater (1960) di kalangan orang-orang kelas rendah di Amerika Syarikat, mendapati responden lelaki dari kelas rendah mensifatkan makna 'ibu' dan 'perempuan yang baik' sebagai selari. Ini adalah unsur yang boleh dikaitkan dengan norma-norma tentang 'sexuality' dan bagaimana anak di nilai sebagai dapat mendekatkan seorang ibu kepada sesuatu yang ideal dan di nilai tinggi oleh masyarakat. Dan lagi mereka pula, menjadi seorang ayah juga bererti mempunyai 'self-respect' yakin akan mendorong mereka agar mengelakkan dari melakukan sesuatu yang tidak baik, dan ini boleh meninggikan moral.

Anak juga dapat dilihat sebagai dapat menutup segala kekurangan nya.

Jadi nilai anak-anak di sini, dilihat sebagai berperanan untuk mendekatkan lagi ibu bapa terhadap 'Conformity' kepada norma-norma sosial dan sexual.

Bagaimana seseorang itu menilai anak nya, boleh dilihat dari keperluan seseorang ibu dan bapa untuk membuat satu 'expansion of self'. Ini kemungkinan adalah untuk memenuhi keperluan saikologi mereka terutama seorang ayah, akan merasa puas dan bangga sekiranya anak nya dapat mengekalkan 'title' nya, harta, dan meneruskan zuriat keturunannya. Seseorang itu berkecenderungan untuk menilai anak sebagai yang boleh meneruskan dan mengembangkan kesan-kesan diri dan peribadi nya, lama selepas ia telah meninggal dunia. Ini di dapati dari kajian-kajian yang pernah dilakukan di India, Filipina, Ghana dan Amerika Syarikat. (Hoffman & Hoffman, 1973 :48 ) Anak-anak juga dilihat sebagai tali untuk menyambung unsur-unsur budaya, agama, nilai-nilai dan bangsa. Anak-anak dijangkakan boleh memberi penerusan kepada unsur-unsur budaya satu-satu bangsa. Jadi, seseorang individu dalam menilai anak saperti ini, bukan sahaja atas keperluan saikologi nya untuk 'expansion of self', malah dipengaruhi oleh kepatuhan kepada sistem-sistem sosial budaya nya dan terus ingin mengekalkan sistem-sistem sosial ini.

Mengikut Hoffman dan Hoffman (1973 : 53 & 54), anak-anak dinilai sebagai dapat memberikan kebahagiaan kepada ibu bapa. Anak-anak dikatakan boleh dijadikan taman berhibur dan bermain satu boleh melupakan masaalah-masaalah yang difikirkan oleh ibu bapa. Seorang respondan dalam Kajian Kependudukan Mysore (India) pernah berkata, "No other thing in the world makes me forget my worries except children." (Hoffman & Hoffman, 1973 : 54)

Keperluan untuk mendapatkan kasih dan kebahagiaan dari anak-anak sering diperkatakan oleh seseorang individu itu. Kemungkinan anak-anak dapat memberikan nilai kasih sayang yang lebih daripada pasangan seseorang individu itu sendiri, telah didapati dari kajian oleh Gurin et al (1960). Biasanya, nilai kasih sayang anak lebih diperkatakan oleh wanita (Rainwater 1960 dan Kamorovsky, 1967), di mana wanita dari kelas rendah kurang mendapat kasih sayang suami sebagaimana yang mereka kehendaki.

Lopata, 1971, dalam kajian nya di kalangan wanita surirumahtangga, kelas rendah, mendapati nilai anak-anak di kalangan mereka ialah sebagai tali yang dapat mengiratkan lagi perhubungan dan persefahaman antara suami dan isteri. Centers dan Blumberg, 1954, Christopherson dan Walters, 1958, mendapati respondan mereka percaya kepada kehadiran anak-anak

untuk menjadikan satu-satu perkahwinan itu bahagia. Nilai anak-anak dilihat sebagai untuk kebaikan unit famili, iaitu hubungan antara suami isteri menjadi lebih rapat dan mesra.

Jadi, segala nilai anak-anak yang dirangkakan di dalam pertimbangan dari aspek bukan ekonomi, seperti di atas, mencerminkan keperluan saikologi ibu bapa dan juga penglibatan nilai anak-anak ini dalam memenuhi keperluan ideal norma-norma sosial dalam masyarakat.

Ibu bapa didapati mempunyai motif 'cost avoidance' dalam menilai anak-anak. Kos bukan ekonomi merupakan nilai negatif ibu bapa terhadap anak-anak. Ini melibatkan berbagai-bagai gangguan emosi dan saikologi seperti cemas, bimbang, risau dan lain-lain ketegangan yang berkait dengan anak-anak.

Dari kajian oleh Hoffman dan Hoffman. (Hoffman & Hoffman 1973 : 63) ibu merasa cemas dan bimbang tentang perkembangan moral dan saikologi anak-anak. Ini adalah disebabkan oleh ikatan ibu itu kepada norma-norma sosial masyarakat nya dan ikutan anak-anak kepada norma sosial, dari segi moral dan saikologi adalah penting. Ini boleh menimbulkan 'anxiety' dalam diri ibu itu.

Fred Arnold et al (1975 : 9), mengatakan bahawa terdapat ketegangan emosi yang umum di kalangan respondan

saperti yang berkaitan dengan disiplin dan perlakuan moral anak-anak, risau tentang kesihatan anak-anak, kebisingan dan huru-hara dalam rumah tangga.

Nilai dan kos anak-anak adalah merupakan antara 2 faktor yang mempunyai pengaruh ke atas motivasi terhadap kesuburan. (Hoffman & Hoffmān, 1973 : 63). Ini juga diimplikasikan oleh D.J. Bogue (dalam J.T. Fawcett : Psychology and Population, 1970 : 63 - 65). Ini bererti nilai dan kos anak-anak boleh digunakan untuk melihat saiz famili satu-satu keluarga.

Saiz famili boleh dipecahkan kepada 3 - saiz famili ideal, saiz famili yang diharapkan dan saiz famili sebenar.

Catherine S. Chilman yang menjalankan kajian di USA, mengatakan:

"... at all socioeconomic levels, people apparently see a family of 2 to 4 as being ideal; a family of 4 or more children seems to impose special strains on family life..." (Chilman, 1973 : 169)

Di Malaysia, di dalam kajian tentang perancangan keluarga, melapurkan bahawa, saiz ideal bagi mereka yang di kelompokkan sebagai 'acceptors' perancangan keluarga, ialah 4 orang. (Studies in Family Planning: Malaysia : 21, no:

51 - 60, 1970).

Saiz famili yang ideal tidak boleh menjamin mereka mendapatkan jumlah anak yang begitu. Malah saiz famili seperti yang diharapkan oleh setengah ibu bapa tidak juga boleh dicapai.

Faktor utama yang akan dibincangkan tentang keujudan fenomina atau keadaan begini ialah faktor pengamalan perancangan keluarga.

Kegagalan satu-satu keluarga untuk mengamalkan perancangan keluarga atau kelewatan mengamalkan nya, melibatkan faktor-faktor, antara nya fatalisme, dikaitkan dengan keugamaan; kurang komunikasi antara pasangan suami isteri dan 'psychic-cost'. Ketidak puasan hati dengan perancangan keluarga, yang mana boleh dikaitkan dengan faktor keugamaan dan dari sudut kesihatan atas metode-metode yang diserahkan.

Di India, kajian oleh Poffenberger dan Poffenberger (1973 : 150) kedapatan kira-kira 50% dari respondan perempuan dan 20% dari respondan lelaki, yang mengatakan bahawa saiz famili itu bergantung kepada kehendak Tuhan. Dari kajian Poffenberger dan Poffenberger di India, didapati ujud

kekurangan komunikasi antara suami isteri yang menyebabkan kelewatan dalam pengamalan perancangan keluarga. Kekurangan komunikasi di antara suami isteri di peringkat awal adalah disebabkan oleh sifat malu si isteri dan beberapa ikatan tradisional. (Poffenberger dan Poffenberger, 1973 : 149-150).

Di Singapura juga, satu kajian mendapati bahawa terdapat hubungan langsung di antara kurangnya komunikasi antara suami isteri dengan ketinggian kadar kelahiran, dan kurangnya amalan perancangan keluarga. (P.S.J. Chen - Sosial and Psychological Factors, affecting Fertility, 1974)

Keengganan pasangan mengamalkan perancangan keluarga boleh disebabkan oleh rasa tidak puashati dengan metode-metode yang disarankan, di pandang dari sudut kesihatan ibu atau bapa dan dari sudut ugama. Ini lebih merujuk kepada cara yang disarankan, seperti pill, pembedahan dan lain-lain cara yang di anggap kurang baik.

### Operasionalisasi

Penulis akan cuba melihat sejauh mana Ujud nilai positif dan negatif ekonomi dan bukan ekonomi di kalangan keluarga nelayan yang dikaji, iaitu di Kg. Panchor, Kg. Sg. Tuntung dan Kg. Matang Aceh, dan faktor-faktor yang dikatakan boleh mempengaruhi pembentukan nilai-nilai ini.

Melalui penggunaan beberapa bahagian dari rangka teori, akan cuba dilihat setakat mana benarnya hubungan antara faktor keperluan saikologi dan faktor yang melibatkan norma-norma sosial, dengan nilai-nilai anak-anak, seperti yang disarankan oleh Hoffman dan Hoffman, Rainwater, dan lain-lain pengkaji. Juga hubungan antara keperluan ekonomi dengan nilai anak-anak seperti yang dikatakan oleh Becker, Leibenstein dan lain-lain pengkaji yang tersebut di dalam rangka teori.

Penulis akan cuba melihat hubungan dan pengaruh nilai dan kos anak-anak ke atas motivasi kesuburan. Akhir sekali akan dilihat keadaan saiz famili, amalan perancangan keluarga di kalangan masyarakat yang dikaji dan faktor-faktor yang kemungkinan mempengaruhinya.

## BAB TIGA

### NILAI ANAK-ANAK DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU NELAYAN

(Kajian di 3 buah kampung di Mukim Pengkalan Bharu, Perak)  
Di tinjau dari aspek ekonomi dan bukan ekonomi

Bab ini melihat penilaian ibu bapa, dari keluarga nelayan, terhadap anak-anak. Juga akan dilihat kos yang melibatkan anak-anak. Ini akan ditinjau dari sudut ekonomi, sudut keperluan saikologi dan aspek yang berkait dengan norma-norma sosial seperti yang telah dibincangkan di dalam rangka teori.

#### Nilai anak-anak dari sudut ekonomi

##### I. Kebaikan mempunyai anak

Soalan yang di utarakan ialah apakah kebaikan mempunyai anak berbanding dengan tidak mempunyai anak langsung? Tidak ramai responden yang memberi lebih dari 2 alasan. Terdapat responden yang tidak memberi apa-apa alasan, yang bersabit dengan faedah atau kegunaan anak-anak dari segi ekonomi.

Pandangan ibu bapa yang membawa erti nilai anak-anak dari sudut ekonomi, termasuk kesejahteraan, telah di

kategorisekan kepada 4 kategori. (Lihat Jadual 3.1)

Penulis dapat mengumpulkan 99 alasan yang telah di berikan oleh 90 orang respondan. Sementara itu, 10 orang respondan tidak memberikan apa-apa alasan.

Jadual 3.1: Kekerapan pendapat tentang kebaikan mempunyai anak dari sudut ekonomi.

Perkara	Kekerapan	% Kekerapan
Kebaikan ekonomi & kesejahteraan		
1. Bantuan dalam urusan rumah tangga	11	11.11
2. Bantuan urusan ekonomi harian	18	18.18
3. Menjaga ibu bapa bila tua kelak dari segi bantuan kewangan & tenaga	65	65.65
4. Menjaga ibu bapa bila sakit demam	5	5.05
Jumlah	99	99.99

Dalam konteks kajian ini penulis dapati bahawa respondan lebih menilai anak-anak sebagai sumber tempat bergantung di hari tua kelak. Ini adalah penilaian secara projektif iaitu ke masa hadapan. Becker dan Leibenstein, ahli teori dalam kajian teori kesuburan dari sudut ekonomi, menyarankan anak-anak berfungsi sebagai agen pengeluaran, iaitu pada

satu titik, di mana anak itu dijangkakan akan menyertai pasaran buruh dan memberi sumbangan kepada pendapatan keluarga. Ini juga berkait dengan kemungkinan anak itu sebagai sumber perlindungan ketika ibu bapa sudah tua. Nilai begini jelas memperlihatkan peratus kekerapan yang sangat tinggi, di kalangan masyarakat yang dikaji. (Lihat Jadual 3.1)

Keujudan unsur-unsur nilai atau kegunaan ini pada kadar peratusnya mungkin berbeza-beza, tetapi apa yang penting ialah untuk membuktikan bahawa saranan-saranan Leibenstein dan Becker didapati boleh diapplikasikan pada masyarakat yang dikaji ini.

Jadual 3.1 (a): Kekerapan pendapat tentang kebaikan mempunyai anak dari sudut ekonomi.

Perkara	Kekerapan		% Kekerapan	
	Ibu	Bapa	Ibu	Bapa
Kebaikan ekonomi & kesejahteraan				
1. Bantuan dalam urusan rumah tangga	10	1	20.4	2
2. Bantuan urusan ekonomi harian	7	11	14.3	22
3. Menjaga ibu bapa bila tua kelak dari segi bantuan kewangan & tenaga	29	36	59.2	72
4. Menjaga ibu bapa bila sakit demam	3	2	6.1	4

2. Pengharapan ke atas anak-anak dari sudut ekonomi

Bahagian ini cuba menyelidik dengan lebih mendalam lagi nilai-nilai yang diletakkan oleh ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Ini secara tidak langsung mencerminkan sikap dan motif mereka sendiri terhadap anak-anak mereka. Kesemua ini akan ditinjau dari sudut ekonomi.

Jadual 3.2 : Pengharapan bantuan ekonomi  
dari anak lelaki.

Perkara	Bapa	%	Ibu	%
1. Kewangan	41	82	41	82
2. Tenaga	5	10	7	14
3. Terpulang pada anak-anak	1	2	2	4
4. Tidak harapkan bantuan	3	6	0	0
JUMLAH	50	100	50	100

Soalan yang dikemukakan ialah 'Adakah anda memerlukan pertolongan atau bantuan ekonomi dari anak lelaki dan anak perempuan satu hari nanti?'

Dari jadual di atas dapat dilihat dengan jelas akan harapan bantuan dari segi kewangan. Latar belakang pekerjaan responden lelaki (bapa) iaitu nelanyan biasa, dapat menjelaskan punca pengharapan kewangan yang begitu tinggi dari anak-anak.

Kajian-kajian nilai anak-anak oleh pengkaji-pengkaji lain, telah juga membuktikan ujud nya orientasi ekonomi yang tinggi di kalangan respondan luar bandar di dalam menilai anak-anak.

Dalam konteks kajian ini, pengharapan dari segi kewangan ada lah nilai yang besifat projektif iaitu pada masa akan datang apabila anak-anak mereka telah bekerja 'makan gaji'.

Bantuan tenaga hanya merupakan 10% bagi responden lelaki (bapa) dan 14% bagi responden wanita (ibu).

Trend yang serupa dapat di kesan dengan melihat jadual di bawah iaitu Jadual 3.3.

Jadual 3.3 : Pengharapan bantuan ekonomi  
dari anak perempuan.

Perkara	Bapa	%	Ibu	%
1. Kewangan	40	80	40	80
2. Tenaga	5	10	7	14
3. Terpulang pada anak-anak	-	--	1	2
4. Tidak harapkan apa-apa	5	10	2	4
JUMLAH	50	100	50	100

Satu lagi trend yang dapat dilihat dari penemuan-

penemuan tentang pengharapan bantuan ekonomi dari anak lelaki dan anak perempuan, ialah, harapan yang diletakkan ke atas anak lelaki dan perempuan adalah sama. Anak perempuan juga diharap akan dapat memasuki pasaran buruh iaitu bekerja 'makan gaji'.

### 3. Cita-cita Terhadap Pencapaian Pelajaran Anak-anak

Jangkaan ibu bapa terhadap anak-anak mereka untuk memasuki pasaran buruh satu harapan mereka agar mendapat bantuan kewangan dari anak-anak, boleh dikaitkan dengan cita-cita mereka terhadap pencapaian pelajaran anak-anak.

Penulis telah mengemukakan soalan iaitu, 'setakat mana anda mengharapkan anaklelaki dan perempuan anda mendapatkan pelajaran?

Jadual 3.4 : Cita-cita terhadap pencapaian pelajaran anak lelaki

Perkara	Bapa	%	Ibu	%
1. Institusi Tinggi (Kolej, Maktab & Universiti)	21	42	29	58
2. Terpulang kepada kemampuan ibu bapa	9	18	8	16
3. Terpulang pada kebolehan anak	20	40	13	26
JUMLAH	50	100	50	100

Jadual 3.5 : Cita-cita terhadap pencapaian  
pelajaran anak perempuan

Perkara	Bapa %	Ibu %	
1. Institusi Tinggi (Kolej, Maktab & Universiti)	21	42	28 56
2. Terpulang kepada kemampuan ibu bapa	9	18	8 16
3. Terpulang kepada kebolehan anak-anak	20	40	14 28
JUMLAH	50	100	50 100

Dari penemuan penulis, didapati bahawa trend cita-cita responden lelaki terhadap anak lelaki dan perempuan adalah serupa.

Kesimpulan yang dapat diambil dari kedua-dua jadual yang memerihalkan penemuan-penemuan ialah, secara keseluruhan nya, kajian ini memperlihatkan harapan yang tinggi di kalangan responden-responden agar anak-anak mereka mencapai pelajaran yang tinggi. Mengikut Friedlander dan Silver, - (di petik dari "a Quantitative Study of the Determinants of Fertility Behaviour". Demography 4. 1967 : 30 - 70) mengatakan:

"... where opportunities for social mobility exists, parents will be inclined to have higher expenditures per child ... in order for the child to maintain or surpass the social and economic status of his parents."

Motif ibu bapa dalam meletakkan harapan yang tinggi terhadap pencapaian pelajaran anak mereka ialah agar anak-anak dapat pekerjaan baik dan dapat membantu mereka dari segi kewangan. Di sini juga dapat dilihat motif dan harapan ibu bapa agar anak-anak dapat menduduki kedudukan dan status ekonomi yang lebih tinggi dari mereka.

#### 4. Kesan Membayar Pelajaran Anak-anak

Ini juga ada kaitan dengan cita-cita mereka terhadap pencapaian pelajaran anak-anak mereka, dan setakat mana motif mereka diselaraskan dengan tindakan mereka.

Jadual 3.6 : Kekerapan pendapat mengenai membayar pelajaran anak-anak

Perkara	Kekerapan	%
1. Sangat membebarkan	24	24
2. Tidak begitu membebarkan	45	45
3. Tidak tahu	31	31
JUMLAH	100	100

Berdasarkan pada latar belakang mereka sebagai keluarga nelayan biasa, maka ada lah menarik, kerana di dapati kebanyakan dari responden mengatakan bahawa memberi pelajaran anak-anak adalah tidak begitu membebarkan,

Friedlander dan M. Silver pernah mengatakan,

"....parents will be inclined to have higher expenditures per child..... in order for the child to maintain or surpass the social and economic status of his parents."

Perbelanjaan membiayai pelajaran boleh dianggapkan besar, tetapi diadakan juga dan dianggap sebagai tidak begitu membebankan walaupun ianya tidak boleh di tolak 100% sebagai bukan masealah dan beban kepada ibu bapa. Yang perlu, bagaimana motif dan harapan seseorang ibu bapa terhadap anak-anak, cuba dijadikan kenyataan. Secara tidak langsung, dapat dilihat sejauh mana ibu bapa menilai anak-anak mereka. Saperti kata Geithman dan Carvajal, 1976 :

38) -

"Parents in different income strata, would be expected to encounter different pressures to rear 'quality' children."

Kekerapan jawapan responden iaitu 'Tidak tahu' adalah agak tinggi iaitu 31%. Dari penyelidikan penulis, dapat di kesan bahawa ini terbit di kalangan responden responden yang mempunyai anak yang belum bersekolah.

Kekerapan jawapan responden iaitu 'Sangat membebankan' memperlihatkan keadaan ekonomi keluarga itu juga. Tetapi ini juga memperlihatkan bagaimana responden

itu memberi penilaian pada satu-satu tanggungan yang mana di sini ialah pelajaran. Oleh itu, kemungkinan ada responden yang menganggap bahawa membayai pelajaran anak itu, lebih merupakan satu kos. (Lihat Jadual 3.6)

5. Harapan Untuk Tinggal Bersama-sama Anak Kelak

Jadual 3.7 : Harapan untuk tinggal bersama-sama anak kelak..

Perkara	(Lelaki) Bapa	%	(Perempuan) Ibu	%
1. Tidak akan tinggal bersama-sama	5	10	2	4
2. Tinggal hanya beberapa tahun selepas anak itu berkahwin	-	-	-	-
3. Hanya akan tinggal bila tua kelak	22	44	18	36
4. Tinggal untuk selama-lama nya	-	-	1	2
5. Tinggal atas sebab-sebab tertentu (sakit dan tak kuat bekerja, kematian suami, dll).	23	46	29	58
Jumlah	50	100	50	100

Responden lelaki (bapa) dan responden wanita (ibu), kebanyakannya meletakkan anak-anak sebagai tempat mereka bergantung ketika dalam masa-masa dan keadaan yang terdesak seperti kematian suami dan sakit bagi responden wanita; sakit tidak boleh bekerja lagi bagi responden lelaki.

Di sini boleh di buat 'inference' bahawa sejumlah besar responden yang di temui inginkan perlindungan dari anak-anak semasa ketika sudah tua atau ketika dalam keadaan krisis. Jadi anak di nilai sebagai tujuan keselamatan sosial. Motif ini tidak menanti hari tua, malah dalam keadaan-keadaan di mana anak diperlukan, iaitu dalam keadaan-keadaan yang sangat terdesak.

#### 6. Harapan Bantuan Kewangan di hari Tua

Jadual 3.8 : Harapan untuk bergantung di-hari tua..

Perkara	Bapa (L)	%	Ibu (W)	%
1. Bergantung sepenuhnya	2	4	6	12
2. Tidak bergantung sepenuhnya	28	56	26	52
3. Tidak bergantung langsung	1	2	-	-
4. Terpulang kepada keadaan-keadaan tertentu - samaada anak itu mampu beri atau mahu beri	17	34	14	28
5. Kurang pasti	2	4	4	8
<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>100</b>	<b>50</b>	<b>100</b>

Apa yang dapat disimpulkan dari data-data di atas ialah harapan untuk mendapatkan bantuan dari anak-anak

terdapat dalam hampir kesemua responden-responden yang di temui. Yang berbeza hanya lah kadar pergantungan terhadap bantuan kewangan dari anak-anak itu. Namun motif untuk bergantung pada bantuan kewangan dari anak-anak apabila tua kelak, tetap ada dan trend begini jelas kelihatan di dalam jadual di atas.

Penemuan di atas, boleh membuktikan bahawa nilai ekonomi di kalangan masyarakat luar bandar memang tinggi, seperti yang diperkatakan oleh pengkaji-pengkaji yang pernah membuat kajian dalam hal nilai anak-anak, contoh nya Rodolfo Bulatao yang membuat kajian di Filipina.

#### 7. Kos Anak-anak dari Sudut Ekonomi

Soalan 'Apakah keburukan mempunyai anak kalau dibandingkan dengan tidak mempunyai anak langsung?' telah dikemukakan. Penulis mendapati bahawa dari 100 orang responden yang di tanya, hanya 70 orang responden sehaja yang telah memberikan alasan. 29 orang dari nya ialah responden wanita (ibu) dan 28 orang dari nya ialah responden lelaki (bapa).

Jadual 3.9 : Kekerapan pendapat tentang

keburukan mempunyai anak-anak  
(Kos - dari sudut ekonomi).

Perkara	Kekerapan (Bapa)	%	Kekerapan (Ibu)	%
1. Perbelanjaan bertambah dari segi saraan hidup selain dari pelajaran.	15	42.85	12	34.85
2. Masaalah kewangan dari segi mahu memberi pelajaran.	20	57.14	23	65.14
Jumlah Kekerapan Alasan	35	99.99	35	99.99

Jadual menunjukkan bahawa masyarakat yang di kaji ini melihat kos anak-anak sebagai memberi pelajaran, di mana mereka menghadapi masaalah kewangan. Menandangkan kepada latar belakang mereka yang merupakan keluarga nelayan Melayu yang berpendapatan rendah, maka dapat di mengertikan mengapa ini satu kos pada mereka, sedangkan harapan mereka agar anak maju di dalam bidang pelajaran adalah begitu tinggi sekali. Keadaan ini boleh disifatkan sebagai satu dilemma bagi ibu bapa itu sendiri.

Perbelanjaan untuk menyara anak-anak seperti makan, minum, pakai dan lain-lain keperluan kurang di perkatakan sebagai kos berbanding dengan masaalah menanggung pelajaran. Ini pada kebanyakan mereka, lebih memakan tanggung jawab asas dan tidak seharusnya dianggap satu keburukan.

Kos yang ditimbulkan oleh responden-responden dalam masyarakat yang di kaji, lebih merupakan kos langsung, kos tidak langsung atau 'indirect cost' yang biasanya melibatkan 'opportunity cost', didapati tidak terdapat

di kalangan mereka. Respondan wanita yang ditemui, kesemuanya adalah surirumah sepenuh masa dan mereka tidak memikirkan langsung soal anak sebagai penghalang kepada mendapatkan kejayaan dan keuntungan di bidang-bidang yang lain.

Ditinjau dari luar, apa yang dapat dikesan ialah kelambatan dalam mobilisasi ibu bapa terutama respondan wanita. Ada kah ini disebabkan oleh anak-anak? Kalau benar mengapa tidak di sedari oleh wanita sendiri? Mungkin aspek ini boleh di kaji oleh mereka yang mahu membuat kajian di lapangan ini pada masa akan datang.

Sejauh perbincangan ini, penulis mendapati bahawa ujud nilai dan kos anak-anak, ditinjau dari sudut ekonomi, di kalangan masyarakat nelayan yang di kaji. Nilai dan kos anak-anak seperti yang diserahkan oleh Becker, Leibenstein, Friedlander dan Silver, serta Carvajal dan Geithman, boleh diapplikasikan ke dalam masyarakat yang di kaji, dalam konteks Latihan Ilmiah ini. Juga dapat di kesan penilaian ekonomi yang tinggi terhadap anak-anak di kalangan masyarakat luar, seperti yang dikatakan oleh Rodolfo Bulatao dan lain-lain pengkaji yang berkenaan.

Penulis juga mendapati sikap kesedaran terhadap kepentingan pelajaran ujud di kalangan respondan yang ditemui.

Walaupun mereka terdiri dari keluarga nelayan yang boleh disifatkan sebagai kelas berpendapatan rendah, namun hasrat untuk menghasilkan 'quality children' ujud. Ini kerana mereka mengharapkan 2 pertolongan dari anak-anak kelak iaitu bantuan kewangan dan sebagai tempat berlindung di hari tua dari segi wang dan tenaga.

#### 8. Nilai Anak-anak ditinjau dari sudut bukan ekonomi

Nilai anak-anak di sini akan lebih dilihat dari aspek keperluan saikologi yang melibatkan emosi, yang mana di ekspresikan dalam bentuk motif mengkehendaki anak. Ini secara tidak langsung merupakan nilai anak-anak itu sendiri. Juga akan dilihat penilaian anak-anak oleh ibu bapa sebagai dapat memainkan peranan-peranan tertentu untuk keluarga dan masyarakat.

Nilai anak-anak dari sudut bukan ekonomi ini pernah dikatakan oleh Hoffman dan Hoffman dan dalam banyak penyelidikan yang pernah dilakukan oleh Rainwater, Lopata, Fred Arnold dan lain-lain.

Jadual 3.10 : Kekerapan pendapat tentang

kebaikan mempunyai anak.

(Dari sudut bukan ekonomi.)

Perkara	(Bapa) Kekerapan	%	(ibu) Kekerapan	%
1. Kebaikan unit famili	9	12.86	7	11.86
2. Kebahgiaan, kasih teman hidup	12	17.14	40	67.79
3. 'Expansion of self'	36	51.43	5	8.47
4. Moral	13	18.57	7	11.86
JUMLAH	70	100.00	59	99.99

Pengelompokan nilai-nilai umum saperti di dalam jadual setengah nya di ambil dari 'farmat' Arnold dan setengahnya mengikut 'format' Hoffman & Hoffman, untuk di sesuaikan dengan keadaan dan konteks kajian ini.

Keperluan saikologi untuk mendapatkan kebahgiaan kasih dan teman hidup, jelas terdapat di kalangan respondan wanita. Mereka mendapati anak dapat memberikan rasa keseronokan dan boleh dijadikan teman bermain. Rata-rata respondan wanita ini adalah surirumahtangga sepenuh masa. Mereka tidak mempunyai pilihan lain selain dari menjaga anak sehari suntuk. Anak dianggap sebagai yang boleh menggembirakan dan tidak begitu terasa sunyi.

Nilai ini juga membawa satu implikasi yang lain, di mana kemungkinan anak-anak dilihat dapat memberikan nilai

kasih sayang yang lebih daripada pasangan seseorang individu. Ini telah didapati dari kajian oleh Gurin et al (1960). Nilai kasih sayang anak lebih diperkatakan oleh wanita, (Rainwater 1960 & Kamarovsky, 1967), di mana wanita dari kelas rendah kurang mendapat kasih sayang suami sebagaimana yang mereka kehendaki.

Nilai ini kurang diperkatakan oleh respondan lelaki (Lihat jadual 3.10).

'Expansion of self' sebagai mempengaruhi penilaian ibu bapa terhadap anak-anak

Nilai anak-anak sebagai dapat membaikkan 'expansion of self', lebih kerap diperkatakan oleh respondan lelaki. (lihat jadual 3.10).

Dari kajian-kajian yang dibuat di India, Filipina, Ghana dan Amerika Syarikat, (Hoffman dan Hoffman 1973 : 48 ) didapati bahawa seseorang itu berkecenderungan untuk menilai anak sebagai yang boleh meneruskan zuriat keluarga itu, yakni, panjangkan nama, boleh meneruskan 'title', harta dan lain-lain. Dalam konteks kajian latihan Ilmiah ini, penulis mendapati bahawa nilai anak-anak seperti ini lebih di utarakan oleh responden lelaki. Sebagai seorang bapa mereka merasa

bangga apabila anak-anak kelak dapat meneruskan zuriat keturunan mereka. Ini boleh disifatkan sebagai satu keperluan saikologi seseorang lelaki, iaitu untuk mengembangkan diri dan peribadi seluas nya, agar ia di kenang walaupun telah tiada kelak.

Anak juga dinilai sebagai dapat meneruskan budaya material, agama, nilai-nilai dan bangsa itu umumnya. Di sini anak dinilai dari segi peranan-peranan mereka untuk mengekalkan dan meneruskan sistem-sistem sosial seperti nilai-nilai, budaya material dan agama. Jadi seorang bapa itu mahu mengembangkan diri dan peribadi nya dan sekali gus ingin juga anak-anak nya mewarisi ciri-ciri budaya, agama dan nilai-nilai bangsa nya. Ini adalah satu pengaruh norma-norma sosial masyarakat itu ke atas seseorang individu dalam menilai anak-anak.

Kebaikan unit famili sebagai yang mempengaruhi penilaian ibu bapa terhadap anak-anak

Penulis mendapati bahawa jumlah kekerapan jawapan antara responden lelaki dan wanita tidak menampakkan beza yang besar. Anak dinilai sebagai dapat mengiratkan lagi hubungan di antara suami isteri. Walaupun nilai ini amat kurang diperkatakan, namun ia tetap ujud di kalangan

masyarakat yang dikaji. (Lihat jadual 3.10). Antara contoh-contoh yang selaras dengan penemuan di atas ialah dari kajian Centers dan Blumberg 1954, Christopherson dan Walters, 1958, iaitu mereka mendapati respondan mereka percaya kepada kehadiran anak-anak untuk menjadikan satu-satu perkahwinan itu bahagia. Dalam satu kajian yang lain, (Lopata 1971), di kalangan wanita suri rumah tangga kelas rendah mendapati nilai anak-anak di kalangan mereka ialah sebagai tali yang dapat mengiratkan lagi hubungan di antara suami isteri dan mengujudkan rasa kepentingan yang sama, serta saling faham memahami.

Nilai ini jelas memperlihatkan keperluan kedua-dua ibu bapa iaitu dari segi memenuhi kehendak saikologi mereka.

Moral sebagai yang mempengaruhi penilaian ibu bapa terhadap anak-anak

Apabila diperkatakan tentang moral, akan dikaitkan dengan aspek-aspek keugamaan, kesejahteraan bangsa dan negara dan sikap altruisme ibu bapa itu sendiri. Bagaimana timbul nilai anak-anak dalam bentuk yang baru disebutkan, bergantung kepada bagaimana seseorang individu itu melihat peranan-peranan seseorang anak dalam sistem-sistem sosial tertentu seperti agama; atau untuk kesejahteraan keselamatan satu-satu

bangsa itu; atau nilai dilihat dari segi ugama itu sendiri seperti berkat perkahwinan. atau anak bererti menambahkan dan memurahkan rezeki. Juga anak di nilai sebagai yang dapat mengelakkan ibu bapa daripada menyeleweng lantas akan lebih mematuhi norma-norma sexual dan sosial. Ini juga memperlihatkan bagaimana nilai anak-anak oleh individu, boleh dipengaruhi oleh norma-norma masyarakat yang dilihat ideal dan patut diikuti.

Anak-anak dinilai sebagai dapat merubah sikap seorang ibu atau bapa dari bersifat 'self-centred' atau 'selfish' kepada yang lebih altrustik iaitu bertindak atas kepentingan orang lain. Ini boleh dilihat dari segi sikap ibu bapa yang rasa lebih bertanggung jawab apabila telah mempunyai anak. Mereka tidak akan membazirkan wang, sebab mengingatkan anak-anak. Mereka akan rasa ter dorong untuk berusaha dengan lebih kuat lagi, sebab anak-anak.

Segala nilai anak-anak yang baru disebutkan, mencerminkan pada perbuatan bermoral, samaada perbuatan ini berkait dengan peranan anak secara langsung atau pun 'conformity' ibu bapa kepada nilai-nilai sosial masyarakat nya.

Apa yang didapati, dari jadual 3.10, nilai anak dari segi perkara moral, kurang diperkatakan oleh respondan-

respondan yang ditemui. Tetapi ini tidak pula menolak fungsi nilai ini dalam konteks kajian ini sebab ada respondan yang mengutarakan nilai ini. Jumlah % kekerapan adalah lebih tinggi di kalangan bapa iaitu 10.1% sementara di kalangan ibu ialah 5.4%

### 9 Kos Anak-anak Dari Sudut Bukan Ekonomi

Penulis telah mengutarakan soalan, 'apakah keburukan mempunyai anak berbanding dengan tidak mempunyai anak langsung?' Seramai 72 orang responden lelaki dan wanita telah memberikan alasan yang berjumlah 76 kesemuanya. Seramai 28 orang responden tidak memberikan apa-apa alasan.

Arnold yang pernah membuat kajian nilai anak-anak, menggolongkan keburukan anak-anak kedalam masaalah emosi dan tekanan fizikal sementara Hoffman pernah menyatakan tentang masaalah kebimbangan.

Jadual 3.11 : Kekerapan pendapat tentang  
keburukan atau kos mempunyai anak.

(Dari sudut bukan ekonomi.)

Perkara	Kekerapan (Bapa)	%	Kekerapan (Ibu)	%
1. Tekanan fizikal				
a. Sukar menjaga ketika kecil (tiada pembantu)	6	15	27	48.21
b. Terpaksa usaha lebih untuk beri pendidikan dan kehidupan yang sempurna kepada anak-anak	5	12.5	3	5.35
2. Masaalah emosi				
a. Masaalah mengawal ketika remaja. (Dari segi pergaulan tingkah laku dan pembentukan moral.)	13	32.5	15	26.79
b. Bimbang tentang masa depan anak-anak	13	32.5	3	5.36
c. Menyekat kebebasan (rasa terikat)	-		7	12.50
d. Kebisingan	-		1	1.78
e. Bimbang tentang kesihatan anak-anak	3	7.5	-	-
Jumlah	40	100.0	56	100.0

#### Masaalah tekanan fizikal

Penulis mendapati bahawa peratus kekerapan dari segi tekanan fizikal di kalangan respondan wanita (ibu) adalah tinggi. Sebagai surirumahtangga sepenuh masa, mereka menghadapi masaalah rumah tangga yang berbagai, termasuk yang bersabit dengan menggandalikan anak-anak. Ini ditambah dengan ketiadaan pembantu dalam hal-hal menjaga anak yang

biasa terdapat di kalangan orang-orang di bandar iaitu 'pembantu rumah'. Ibu-ibu muda yang mempunyai anak-anak yang masih kecil lebih menghadapi masaalah ini. Hal ini kurang diperkatakan oleh responden lelaki. (Lihat jadual 3.11).

Tekanan fizikal dalam bentuk di mana responden terpaksa berusaha lebih untuk memberikan kehidupan yang sempurna kepada anak-anak ujud di kalangan masyarakat yang di kaji tetapi dalam kadar yang rendah.

#### Masaalah Emosi

Perkara-perkara yang menimbulkan masaalah emosi ini ujud dalam jumlah kekerapan yang berbeza-beza. Yang paling ketara sekali ialah kebimbangan tentang pergaulan, tingkah laku dan pembentukan moral anak-anak remaja dan bagaimana hendak mengawal anak-anak mereka ini. (Lihat jadual 3.11).

Kebimbangan tentang nasib masa depan anak-anak juga diperkatakan oleh responden lelaki dan wanita; tetapi lebih diperkatakan oleh responden lelaki. Bimbang tentang kesihatan anak-anak yang juga memakan masaalah emosi kepada ibu bapa, hanya diperkatakan oleh responden lelaki. Lain-lain masaalah emosi iaitu kebisingan dan kehilangan

kebebasan, kedua-dua nya diperkatakan oleh respondan wanita. Masaalah 'loss of freedom' ini, juga diperkatakan oleh respondan wanita dalam satu kajian yang dibuat di Amerika Syarikat, seperti yang dilapurkan oleh Hoffman (1963a).

Dalam konteks masyarakat yang dikaji, wanita sebagai surirumahtangga sepenuh masa, menghabiskan banyak masa mereka di rumah dan hal ini boleh menimbulkan reaksi seperti kehilangan kebebasan dan rasa terikat dengan anak-anak dan hal-hal rumahtangga, sementara lelaki nya adalah lebih bebas lantas tidak begitu merasakan keadaan begini.

Sebagai kesimpulan dapat dikatakan bahawa, faktor keperluan saikologi dan norma sosial telah memainkan peranan di dalam mempengaruhi ibu bapa dalam menilai anak-anak. Satu-satu kebaikan yang diertikan sebagai nilai itu, mungkin ujud dalam kadar yang berbeza-beza tetapi tujuan kajian ini bukan untuk menentukan apakah jenis nilai yang harus ujud secara 'predominant' tetapi sekadar ingin melihat samaada nilai anak-anak dari sudut bukan ekonomi boleh di kesan di kalangan mereka.

Faktor-faktor seperti tekanan fizikal dan emosi, seperti yang dikatakan oleh Arnold dan Hoffman dan Hoffman, didapati ujud di kalangan masyarakat yang dikaji dan

faktor-faktor ini mempengaruhi pandangan ibu bapa terhadap kos anak-anak.

Di dalam bah ini, penulis akan membincangkan tentang nilai-nilai positif dan negatif yang mempengaruhi netif kembang di kalangan responden yang telah dimintai. Di dalam bah ini, akan terdapat bujuk ibu bapa untuk dibaca dan dilaksanakan dengan cara "misfaring". Cara ini adalah untuk membantu para ibu bapa untuk membuat keputusan menciptakan lingkungan kembang dan bermain seimbang, di dalam sifat-sifat positif dan negatif yang berkaitan dengan para ibu bapa ini.

E. J. Dore (1981) telah menyatakan bahawa faktor-faktor yang berikut memberi pengaruh kepada nilai-nilai positif-kembang yang masih belum matang itu. Ibu bapa yang memberi netif kembang yang masih belum matang, biasanya yang diberitahukan oleh bayi, hilang dari segi makna dan makna yang diaambil oleh ibu bapa seluruh kembang turun. Sifat-sifat ini berkait dengan "Happy family size vs small family size", (Psychology and Population - E. J. Dore, 1979 : 52).

E. J. Dore (1987) telah mengatakan bahawa "Family tetapi seumpama berbagai-bagai faktor yang berperan dalam sifat-sifat yang mempengaruhi netif kembang tinggi dan

## BAB EMPAT

### MOTIF KESUBURAN DAN KAITAN NYA DENGAN NILAI DAN KOS ANAK-ANAK

Di dalam bab ini, penulis melihat bagaimana kos dan nilai anak-anak itu dapat mempengaruhi motif kesuburan di kalangan masyarakat yang telah dikaji. Di dalam bahagian ini, akan terdapat banyak hal yang cuba dilihat melalui penggunaan metode 'inference'. Cara ini adalah satu-satu nya cara yang dapat dilakukan memandang kepada beberapa kekurangan dan kerunitan teknikal, di dalam membuat analisa data dan hal-hal yang bersabit dengan perkara ini.

D.J. Bogue (1967) pernah menyenaraikan berbagai-bagai faktor yang merupakan motif-motif yang boleh mendorong ibu bapa untuk mempunyai motif kesuburan yang tinggi atau rendah. Motif-motif yang diperkatakan oleh Bogue, dilihat dari segi tujuan atau maksud yang disedari oleh ibu bapa dalam kehidupan harian. Motif-motif ini berkait dengan "large family size vs small family size". (*Psychology and Population - J. T. Fawcett, 1970 : 63*).

D. J. Bogue (1967) telah membuat satu 'format' untuk menunjukkan berbagai-bagai faktor yang berbentuk motif-motif yang mempengaruhi motif kesuburan tinggi dan

motif kesuburan rendah. Ia membahagikan kepada faktor berbentuk ekonomi dan bukan ekonomi. Dalam 'High Fertility Motives' antara faktor-faktor nya ialah keadaan ekonomi, kesihatan, kesejahteraan keluarga, keperluan sahsiah, moral dan budaya dan kebaikan perkahwinan. Ini semua mencerminkan nilai-nilai ideal tentang anak-anak. Di dalam 'Low Fertility Motives', antara faktor-faktor nya ialah keadaan ekonomi, kesihatan, keperluan sahsiah, kesejahteraan komuniti dan bangsa dan kebaikan perkahwinan. Kesemua ini melibatkan kebaikan yang akan diperolehi bila mempunyai anak yang sedikit.

Faktor-faktor yang membentuk motif-motif seperti yang dikatakan oleh Bogue, mempunyai ciri-ciri persamaan dengan nilai dan kos anak-anak di pandang dari sudut ekonomi dan bukan ekonomi, seperti yang terdapat di dalam Bah 3. Telah diperkatakan, di dalam konteks kajian ini, nilai dan kos anak-anak mencerminkan motif seseorang ibu atau bapa itu.

Apa yang cuba disarankan oleh Bogue ini akan digunakan untuk melihat motivasi kesuburan dan bagaimana ianya dipengaruhi oleh nilai dan kos. Tinjauan akan dibuat berasingan di antara responden lelaki dan wanita, dan akan dibandingkan motivasi kesuburan di antara responden lelaki dengan responden wanita. Juga akan dilihat, aspek apakah dari nilai dan kos yang paling mempengaruhi responden lelaki

dan respondan wanita terhadap motivasi kesuburan.

Soalan utama yang ditumpukan ialah samaada mahu anak lagi atau tidak. Ini bukan bertujuan semata-mata untuk mengesan samaada seseorang itu mahu anak atau tidak, tetapi lebih bertujuan untuk mengesan motif untuk saiz keluarga.

Jadual 4.1 : Jumlah respondan yang mengkehendaki atau tidak mengkehendaki anak lagi.  
(Mengikut Jantina).

Jantina	Perkara	Jumlah	%
Lelaki	Mahu anak	33	33
Wanita	Lagi	24	24
Lelaki	Tidak Mahu	12	12
Wanita	Anak lagi	21	21
Lelaki	Kurang	5	5
Wanita	Pasti	5	5
	Jumlah	100	100

Keadaan yang didapati dari jadual di atas akan dibandingkan pula dengan nilai dan kos anak-anak seperti yang didapati

dalam jadual-jadual dalam Bab 3. Nilai dan kos ini boleh dilihat semula dari segi aspek ekonomi dan bukan ekonomi.

i) Faktor-faktor pendorong kepada motivasi kesuburan yang tinggi

i) Dari sudut bukan ekonomi

Jadual 3.10 (Bab 3) menunjukkan bahawa faktor-faktor pendorong kepada motivasi kesuburan yang tinggi, lebih kerap terdapat di kalangan respondan lelaki.

Faktor-faktor itu melibatkan 'expansion of self', faktor moral dan kebaikan unit famili yakni yang selaras dengan faktor 'marriage adjustment'.

Walaupun di kalangan respondan wanita ada mengatakan anak sebagai kebaikan unit famili, namun kekerapan nya adalah rendah sedikit berbanding dengan respondan lelaki.

ii) Dari sudut ekonomi

Merujuk kepada jadual 3.1 (a), didapati harapan-harapan respondan lelaki terhadap bantuan ekonomi adalah tinggi, di mana harapan untuk mendapatkan sokongan tenaga dan kewangan di masa tua adalah lebih kerap diutarakan di kalangan respondan ini.

Jumlah kekerapan untuk nilai ini di kalangan respondan wanita, juga adalah tinggi. Dari awal telah dapat di kesan bahawa nilai anak-anak dari sudut ekonomi adalah tinggi di kalangan masyarakat luar bandar.

Faktor ekonomi sebagai faktor yang boleh mempengaruhi motivasi kesuburan seperti yang didapati di atas, adalah selaras dengan saranan Bogue, bahawa salah satu motif kesuburan tinggi ialah faktor keadaan ekonomi - iaitu anak sebagai keuntungan dari segi ekonomi dan sebagai pelihdung di hari tua.

## 2. Faktor-faktor pendorong kepada motivasi kesuburan yang rendah

### i) Dari sudut bukan ekonomi

Dari data-data dalam Bab 3, di dapati faktor-faktor pendorong kepada motivasi kesuburan yang rendah seperti yang disarankan oleh Bogue, lebih kerap terdapat di kalangan respondan wanita. Contohnya, Bogue ada mengutarakan faktor 'lesser worry and overwork'. Ini adalah faktor bukan ekonomi yang lebih kerap diperkatakan di kalangan respondan wanita. Faktor 'overwork' adalah selaras dengan faktor keletihan dan penat menjaga anak ditambah lagi dengan ketiadaan pembantu. Ini adalah satu kos dan kos ini akan meningkat lagi (*ceteris paribus*)

apabila terjadi satu lagi pertambahan dalam bilangan anak yang sedia ada. Dari jadual 3.11 (Bah 3), faktor ini lebih terdapat di kalangan responden wanita. Ini adalah masaalah tekanan fizikal yang kerap melanda ibu-ibu yang menjadi surirumah sepanjang masa.

Masaalah kebimbangan, di sini dilihat dari segi mengawal anak-anak remaja, pergaulan, pembentukan moral dan tingkah laku. Kebimbangan ini boleh bercorak semasa (sedang di alami) atau akan datang. Di kalangan responden wanita, tekanan emosi begini didapati ujud dalam kadar yang lebih tinggi berbanding dengan responden lelaki.

Dari segi kebimbangan tentang nasib masa depan anak-anak, didapati lebih kerap diperkatakan oleh responden lelaki, berbanding dengan wanita.

ii) Dari sudut ekonomi

Responden wanita lebih kerap menyatakan tentang masaalah kewangan untuk membiayai pelajaran. Di kalangan responden lelaki, terdapat juga pengutaraan masaalah ini, tetapi kekerapan nya adalah rendah sedikit dari kalangan responden wanita. Ini kemungkinan selaras dengan cita-cita tinggi ibu bapa yang meletakkan harapan agar anak-anak akan

berjaya dengan pelajaran yang sempurna. Tetapi di kalangan mereka, ini juga kemungkinan boleh mempengaruhi untuk mempunyai motivasi kesuburan yang lebih rendah, iaitu dari segi motif untuk menentukan saiz famili yang boleh mengurangkan beban ini.

Dalam bahagian yang baru dibincangkan, penulis telah mengaplikasikan faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi kesuburan tinggi atau rendah (seperti yang disarankan oleh D.J. Bogue (1967)), yang didapati besesuaian dan selaras dengan aspek-aspek nilai dan kos, ditinjau dari sudut ekonomi dan bukan ekonomi. Berdasarkan cara ini dan dengan menggunakan metode 'inference' sahaja, penulis telah secara tidak langsung, melihat aspek-aspek tertentu yang mungkin mempengaruhi motivasi kesuburan yang rendah di kalangan responden wanita berbanding dengan kalangan responden lelaki, dan sebaliknya.

### 3. Motivasi kesuburan di kalangan wanita dan faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi nya

Dilihat dalam konteks responden wanita itu sendiri, jumlah mereka yang mahukan anak lagi adalah lebih tinggi daripada yang tidak mahu anak lagi. Tetapi perbezaan nya adalah tidak begitu besar.

Jadual 4.2 : Jumlah responden wanita yang

mengkehendaki atau tidak

mengkehendaki atau kurang pasti

samaada mahu, anak lagi.

Perkara	Jumlah	%
1. Mahu anak lagi	24	48
2. Tidak mahu anak lagi	21	42
3. Kurang pasti	5	10
Jumlah	50	100

Dari jumlah 24 orang respondan wanita yang mengkehendaki anak lagi, seramai 20 orang mempunyai bilangan anak seramai 1 hingga 4 orang sahaja. Saperti respondan lelaki, di kalangan mereka juga, ujud nilai anak, dikira dari segi ekonomi iaitu untuk bantuan kewangan dan tenaga di hari tua. Ini mungkin merupakan penggerak kepada motivasi kesuburan yang tinggi di kalangan mereka ini. Tetapi ini tidak terkecuali bagi respondan wanita yang tidak mahukan anak lagi. Kemungkinan saiz famili yang kecil di kalangan 20 orang respondan wanita ini tidak menimbulkan tekanan yang kuat ke atas fizikal, kewangan dan emosi seseorang ibu itu.

Dari jumlah 21 orang respondan wanita yang tidak mahu anak lagi, seramai 13 orang daripada mereka sudah

mempunyai bilangan anak seramai 5 hingga 11 orang dan 7 orang dari 21 orang wanita ini, mempunyai anak seramai 1 hingga 4 orang.

Mereka ini kebanyakannya mempunyai bilangan anak yang agak ramai dan mungkin telah merasakan tekanan fizikal, kewangan dan emosi yang berat. Yang tidak mempunyai ramai anak mungkin telah merasakan atau menjangkakan masaalah-masaalah yang timbul dengan mempunyai anak-anak.

Faktor-faktor begini kemungkinan telah mempengaruhi perubahan dalam motivasi kesuburan - iaitu mengharapkan saiz yang tertentu atau menghadkan pada satu saiz famili tertentu. Samaada saiz famili semasa besar atau kecil, bukan soalnya, sebab yang dipertimbangkan ialah motif untuk kesuburan rendah telah pun ujud dalam diri mereka.

Perbezaan pada diri seseorang wanita itu ketika ia memikirkan untuk mengkehendaki anak yang pertama atau kedua, misalnya, dengan ketika memikirkan untuk mengkehendaki anak yang selanjutnya, boleh mempengaruhi motivasi kesuburan seseorang itu. Asas pada perubahan motif ini boleh dirujuk kembali kepada perubahan yang mungkin telah berlaku dari segi penilaian ibu terhadap kebaikan atau keburukan mempunyai anak-anak.

Dilihat dalam konteks di kalangan respondan lelaki, seperti dalam jadual di bawah, menunjukkan bahawa bilangan respondan lelaki yang mengkehendaki anak lagi adalah jauh lebih tinggi daripada bilangan respondan lelaki yang tidak mahu anak lagi dan yang kurang pasti.

Jadual 4.3 : Jumlah responden lelaki yang mengkehendaki atau tidak mengkehendaki anak atau kurang pasti samaada mahu anak lagi.

Perkara	Jumlah	%
1. Mahu anak lagi	33	66
2. Tidak mahu anak lagi	12	24
3. Kurang pasti	5	10
<b>JUMLAH</b>	<b>50</b>	<b>100</b>

Dari 33 orang responden lelaki yang menyatakan hendak anak lagi, terdapat 11 orang daripada mereka yang telah pun mempunyai anak seramai 5 hingga 11 orang. Dari 12 orang responden yang tidak mahu anak lagi, terdapat 7 orang yang telah mempunyai anak seramai 5 hingga 11 orang. Jadi dapat di lihat bahawa lebih ramai lelaki yang telah pun mempunyai anak dari 5 hingga 11 orang, mengatakan mahu anak lagi, berbanding dengan yang mengatakan tidak mahu anak lagi. Ini memperlihatkan motivasi kesuburan yang

agak tinggi di kalangan respondan lelaki secara keseluruhannya.

Secara keseluruhannya, respondan lelaki melihat anak-anak sebagai bernilai untuk dijadikan tempat bergantung di hari tua, dari segi wang dan tenaga. Selain dari itu, anak juga dinilai sebagai boleh membantu di dalam urusan ekonomi harian mereka.

Dari sudut bukan ekonomi, anak di nilai sebagai pembawa kepada ikatan mesra antara suami dan isteri, anak sebagai yang boleh meneruskan nama, waris dan keturunan mereka dan menyuniyi anak juga sebagai satu cara yang boleh mendatangkan 'high-esteem' pada diri mereka dari pandangan masyarakat, dan juga dari segi pembentukan moral dan disiplin diri mereka sendiri. Secara amnya, boleh dianggupkan bahawa nilai anak-anak dari kacamata responden lelaki, adalah melebihi kos atau keburukan anak-anak.

Walau bagai mana pun, seperti mana dengan di kalangan responden wanita, motivasi kesuburan ini, boleh berubah mengikut peredaran masa dan perubahan keadaan. Nilai anak boleh berubah dan ini juga boleh merubah fikiran seseorang individu untuk mengkehendaki anak selepas mempunyai anak yang tertentu.

Dalam konteks kajian ini, motivasi kesuburan

di kalangan respondan lelaki dan wanita sebagai mempunyai kaitan dengan nilai dan kos anak-anak, adalah sesuatu yang cuba dilihat melalui cara 'inference' sahaja. Oleh itu, terdapat banyak kelemahan dalam kesimpulan-kesimpulan yang dilakukan, walaupun percubaan dibuat dengan mengambil bentuk-bentuk motif (yang disarankan oleh D.J. Bogue), sebagai yang boleh menentukan motivasi kesuburan. Ini di sesuaikan pada bentuk-bentuk motif yang dapat di kesan dalam nilai dan kos anak-anak.

Juga dalam konteks bab ini, kaitan motivasi kesuburan dengan nilai dan kos anak-anak adalah kajian yang dilakukan pada satu titik masa tertentu yang tidak mengambil kira perubahan yang mungkin terjadi kepada motivasi kesuburan yang mana pula boleh berpunca daripada perubahan dalam bentuk-bentuk nilai dan kos anak-anak. Jadi segala kesimpulan-kesimpulan seperti 'Low Fertility Motives' itu lebih ujud di kalangan respondan wanita daripada lelaki dan sebaliknya, seperti yang telah dilakukan, mungkin tidak boleh di terima secara muktamad.

## BAB LIMA

### KAITAN DI ANTARA KEADAAN SAIZ FAMILI, AMALAN PERANCANGAN KELUARGA DAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI AMALAN PERANCANGAN KELUARGA

Bab ini cuba melihat saiz famili responden dan kaitan nyadengan amalan perancangan keluarga. Di dapati bahawa terdapat berbagai-bagai bentuk saiz famili dan perbincangan dilakukan mengikut tiap-tiap bentuk saiz famili yang terdapat di kalangan responden.

Antara faktor-faktor yang diandaikan mempunyai pengaruh ke atas amalan perancangan keluarga ialah faktor komunikasi antara pasangan, faktor ugama dan kesihatan. Tetapi kajian ini tidak menolak ada nya lain-lain faktor yang boleh mempengaruhi sikap terhadap amalan perancangan keluarga. Serba sedikit penulis cuba menyentuh mana-mana faktor yang dapat di kesan melalui 'inference' dan 'logical assumptions'.

Menurut Misra, B. D., komunikasi antara pasangan mengenai saiz keluarga yang dikehendaki dan amalan perancangan keluarga adalah penting, kalau saiz yang kecil hendak dijadikan kenyataan. Kajian yang pernah dilakukan di Singapura, juga memperlihatkan hubungan 'inverse' antara

kommunikasi antara pasangan dengan saiz keluarga dan amalan perancangan keluarga.

Faktor saperti sikap fatalistik yang melibatkan aspek ugama dan faktor kos kesihatan pernah dikatakan oleh Poffenberger sebagai mempunyai kesan ke atas amalan perancangan keluarga.

Hasil-hasil yang didapati, selain daripada dapat menjelaskan keadaan saiz famili semasa, boleh memberi ramalan terhadap kemungkinan akan tercapai atau tidak satu-satu saiz famili yang diharapkan dan kemungkinan akan berlaku pembentukan keluarga yang ~~terlalu~~ besar di kalangan responden-responden tertentu.

### 1. Ragam dan Keadaan Saiz Famili Sebenar

Di bawah ialah senarai ragam dan keadaan saiz famili sebenar di kalangan respondan wanita dan lelaki. (Mengikut kategori yang mengkehendaki anak lagi, tidak mengkehendaki anak lagi dan yang kurang pasti).

<u>Wanita</u>	<u>Lelaki</u>
<u>Kategori 1 : Mahu Anak Lagi</u>	<u>Kategori 1 : Mahu Anak Lagi</u>
<u>Kumpulan A</u>  Saiz famili sebenar yang kurang dari saiz famili yang	<u>Kumpulan A</u>  Saiz famili sebenar yang kurang dari saiz famili yang

Kumpulan B

Tidak ada saiz famili yang diharapkan. (Berserah pada takdir)

Kumpulan B

Tidak ada saiz famili yang diharapkan. (Berserah pada takdir)

Kategori 2 : Tidak Mahu Anak

Lagi

Kumpulan C

Saiz famili sebenar yang kurang dari saiz famili yang diharapkan.

Kategori 2 : Tidak Mahu Anak

Lagi

Kumpulan C

Tiada #

Kumpulan D

Tidak ada saiz famili yang diharapkan. (Berserah pada Takdir)

Kumpulan D

Tidak ada saiz famili yang diharapkan.

Kumpulan E

Saiz famili sebenar lebih besar dari saiz famili yang diharapkan.

Kumpulan E

Tiada #

Kumpulan F

Saiz famili sebenar sama dengan saiz famili yang diharapkan.

Kumpulan F

Saiz famili sebenar sama dengan saiz famili yang diharapkan.

Katagori 3 : Yang Kurang Pasti

Kumpulan G

Tidak ada saiz famili yang diharapkan. (Berserah pada takdir)

Kumpulan H

Saiz famili sebenar, kurang dari saiz famili yang diharapkan.

Kategori 3 : Yang Kurang Pasti

Kumpulan G

Tidak ada saiz famili yang diharapkan

Kumpulan H

Tiada #

\* Tidak termasuk anak angkat dan anak diri.

# Tidak ada respondan yang tergolong ke dalam kumpulan tersebut.

2. Kaitan antara keadaan saiz famili, amalan perancangan keluarga dan faktor-faktor yang mempengaruhi amalan perancangan keluarga. (Tinjauan di kalangan respondan wanita.)

Jadual 5.1 : Amalan perancangan keluarga dan kaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi nya.

(Kategori 1, Kumpulan A)

Amalan Perancangan Keluarga (APK)	Perbincangan dengan suami	Kesihatan	Ugama	Jumlah
	Pernah	Tidak Pernah		
Sedang Amalkan (+)	5	3	-	-
Belum pernah amalkan tetapi akan amalkan (-)	4	3	-	-
Belum pernah amalkan dan tidak mahu amalkan (0)	-	10	10	-
Pernah amalkan tetapi telah berhenti (x)	-	-	-	-
				16

(APK) Amalan Perancangan Keluarga

Q. Merujuk kepada responden yang sama

Responden di dalam kumpulan ini mempunyai bilangan anak sebenar dari 1 hingga 6 orang.

Faktor berbincang atau tidak dengan suami, bukan merupakan faktor penghalang kepada amalan perancangan keluarga. (Lihat Jadual 5.1). Responden di dalam kumpulan ini belum mencapai saiz keluarga yang diharapkan. Faktor ini mungkin menghalang amalan perancangan keluarga walaupun ujud faktor berbincang dengan suami. Mungkin juga ujud persepsi yang berbeza-beza di kalangan responden atau suami mereka atau kedua-dua mengenai fungsi amalan perancangan keluarga sebagai yang menghadkan atau menjarakkan kelahiran anak. Faktor ini

kemungkinan boleh menghalang atau mendorong amalan perancangan keluarga, di dalam kehadiran faktor ujud kommunikasi dengan suami.

Faktor kos kesihatan yang bergabung dengan faktor tiada perbincangan dengan suami melambat dan menghalang terus amalan perancangan keluarga. (Lihat Jadual 5.1)

Pengaruh media massa atau rakan-rakan kemungkinan berkesan mempengaruhi respondan wanita yang merancang walaupun ujud faktor tiada kommunikasi dengan suami.

Sikap dan kesedaran tentang amalan perancangan keluarga di kalangan majoriti di dalam kumpulan ini, mungkin dapat menjarakkan kelahiran anak dan akhirnya membawa kepada pembentukan saiz famili yang diharapkan.

Jadual 5.2 : Amalan Perancangan Keluarga dan kaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya. (Kategori 1, Kumpulan B)

(APK)	Pernah berbincang dengan suami		Kesihatan	Ugama	Jumlah
	Pernah	Tidak Pernah			
+	1	1	-	-	2
-	-	5	-	-	5

(APK)	Pernah berbincang dengan suami	Kesihatan	Ugama	Jumlah
	Pernah Tidak Pernah			
0	-	1(b)	-	1(b) 1
X	-	-	-	-
				8

Nota : Perkara-perkara di bawah (APK), sila rujuk pada Jadual 5.1.

Responden di dalam kumpulan ini tidak pernah mengharapkan apa-apa bilangan anak melainkan menyerah pada takdir. Sikap fatalistik ini telah membawa kepada 'apathy' terhadap amalan perancangan keluarga dan ini membawa kepada ketiadaan usaha untuk tujuan ini dalam bentuk perbincangan dengan suami. Tetapi, faktor tidak berbincang dengan suami tidak menghalang tetapi telah melambatkan amalan perancangan keluarga ini. Bila faktor ini bergabung dengan faktor takut dari segi ugama. Kesan nya ialah penolakan terus terhadap amalan perancangan keluarga.

Sikap menangguh-nangguhkan amalan perancangan keluarga mungkin akan membawa kepada pembentukan saiz famili yang besar di kalangan mereka.

(b) Merujuk kepada respondan yang sama.

Jadual 5.3 : Amalan perancangan keluarga dan kaitan nya dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

(Kategori 2, Kumpulan C)

(APK)	Perbincangan dengan Suami		Kesihatan	Ugama	Jumlah
	Pernah	Tidak Pernah			
+	-	-	-	-	-
-	-	1	-	-	1
0	-	1(c)	1(c)	-	1
x	1(d)	-	1(d)	-	1
					3

Nota: Perkara-perkara di bawah (APK), sila rujuk pada Jadual 5.1

Kumpulan ini memperlihatkan ciri yang tersendiri, di mana mereka kalau boleh enggan mahu anak lagi walaupun saiz famili sebenar ada lah kecil, dari 1 hingga 3 orang dan saiz famili yang diharapkan dahulu belum tercapai. Dapatkah mereka menghadkan kelahiran anak? Faktor kos kesihatan seperti 'side-effect' dan 'notion' mengenainya mungkin menghalang mereka daripada mengamalkan perancangan keluarga. Sekali lagi didapati bahawa faktor tidak berbincang dengan suami hanya melambatkan tetapi tidak menghalang amalan perancangan keluarga.

Kalau keadaan semasa berterusan, tanpa bantuan pihak-pihak tertentu. Mungkin hasrat mereka akan tinggal sebagai hasrat.

Jadual 5.4 : Amalan perancangan keluarga dan kaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

(Kategori 2, Kumpulan D)

APK	Perbincangan dengan suami		Kesihatan	Ugama	Jumlah Respondan
	Pernah	Tidak Pernah			
+	-	1	-	-	1
-	-	3	-	-	3
0	-	2(e)	2(e)	1	3
x	-	-	-	-	-
					7

Nota: (c) Merujuk kepada responden yang sama.

(d) Merujuk kepada responden yang sama.

(e) Merujuk kepada responden yang sama.

Sikap mereka yang 'apathy' dimana menyerah pada takdir pada awalnya dalam menentukan saiz famili, telah menghasilkan bilangan anak sebenar yang agak besar, dari 3 hingga 10 orang.

Dalam keadaan semasa, ekoran dari sikap 'apathy'

telah mengjudkan ketiadaan perbincangan dengan pasangan. Faktor ini walaupun tidak menghalang, tetapi telah melewatkam amalan perancangan keluarga. Faktor ini ditambah dengan faktor ugama dan kos kesihatan telah menghalang terus amalan perancangan keluarga. Adakah hasrat mereka akan tercapai? Ini memerlukan tunjuk ajar yang lebih mendalam diberikan mengenai konsep amalan perancangan keluarga dan juga penyelidikan dari segi keselamatan satu-satu metode perancangan keluarga itu.

Jadual 5.5 : Amalan perancangan keluarga dan kaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

(Kategori 2, Kp E)

(APK)	Perbincangan dengan suami		Kesihatan	Ugama	Jumlah Respondan
	Pernah	Tidak Pernah			
+	-	2	-	-	2
-	-	5	-	-	5
0	-	-	-	-	-
x	-	-	-	-	-
					7

Nota: Perkara-perkara di bawah (APK), sila rujuk pada Jadual 5.1

Bilangan anak sebenar respondan di dalam kumpulan ini ialah dari 7 hingga 11 orang. Ini adalah contoh yang paling baik dan nyata mengenai kegagalan untuk mencapai satu saiz keluarga yang diharapkan.

Faktor ketiadaan kommunikasi dengan suami di peringkat awal dan hingga ketika di temui, merupakan faktor utama dalam melambatkan amalan perancangan keluarga dalam kumpulan ini. Ini juga mungkin telah memperlanjutkan sikap 'apathy' mereka hingga ke satu titik masa tertentu.

2 orang responden hanya memulakan perancangan keluarga setelah lahir anak yang paling bongsu. Sementara itu masih terdapat sejumlah besar respondan yang masih tidak pasti bila akan mula merancang.

Misra, B. D. pernah menyatakan tentang satu hipotesis, "the greater the communication between the spouses, the greater is the likelihood of their approval of birth control and hence greater the possibility of their having a smaller family."

Jadual 5.6 : Amalan perancangan keluarga dan kaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi

(Kategori 2, Kumpulan F)

(APK)	Perbincangan dengan suami		Kesihatan	Ugama	Jumlah Respondan
	Pernah	Tidak Pernah			
+	2	-	-	-	2
-	1	-	-	-	1
0	-	-	-	-	-
x	1(f)	-	1(f)	-	1
					4

Nota: Perkara-perkara di bawah (APK), sila rujuk pada Jadual 5.1

Bilangan anak sebenar respondan di dalam kumpulan ini ialah dari 3 hingga 6 orang. Faktor perbincangan telah menggalakkan perancangan keluarga. Didapati bahawa faktor kesihatan boleh dan telah menghalang amalan perancangan keluarga di kalangan yang pernah merancang.

'Target' saiz keluarga telah pun dicapai melalui pembincangan dengan suami yang menggalakkan amalan perancangan keluarga di peringkat yang lebih awal dan dapat di ramalkan bahawa mereka bercita-cita mahu mempertahankan saiz ini. Sekurang-kurang nya, bagi seorang respondan mungkin memerlukan kerjasama dari suami nya.

Jadual 5.7 : Amalan perancangan keluarga dan

kaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

(Kategori 3, kumpulan G)

APK	Perbincangan dengan suami		Kasihatan	Ugama	Jumlah Respondan
	Pernah	Tidak Pernah			
+	-	-	-	-	-
-	-	2	-	-	2
0	-	1(g)	1(g)	-	1
x	-	-	-	-	-
					3

Nota: Perkara-perkara dibawah (APK), sila rujuk pada jadual

5.1

Bilangan anak sebenar respondan dalam kumpulan ini ialah dari 3 hingga 6 orang. Oleh kerana pada peringkat awal mereka menyerah pada takdir dalam menentukan saiz famili, jadi ujud sikap 'apathy' untuk merancang. Ini ada kaitan rapat dengan ketiadaan perbincangan dengan suami. Faktor ini pula telah melambatkan perancangan keluarga. Faktor takut akan mengganggu kesihatan didapati menghalang amalan perancangan keluarga.

Jadual 5.8 : Amalan perancangan keluarga dan kaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

(Kategori 3, Kumpulan H)

APK	Perbincangan dengan suami		Kesihatan	Ugama	Jumlah Respondan
	Pernah	Tidak Pernah			
+	-	-	-	-	-
-	-	2	-	-	2
0	-	-	-	-	-
x	-	-	-	-	-
					2

Nota: Perkara-perkara di bawah (APK), sila rujuk pada Jadual 5.1

Bilangan anak sebenar di kalangan respondan dalam kumpulan ini ialah dari 1 hingga 2 orang. Terdapat perubahan dalam cita-cita mereka yang ditandai oleh ketidak pastian samaada mengkehendaki anak lagi atau tidak. Di kalangan mereka, ujud cita-cita mahu mengamalkan perancangan keluarga di masa depan tetapi tidak dinyatakan bila. Jadi faktor tidak berbincang dengan suami mempunyai kesan dalam melambatkan amalan ini dan ini mungkin mempunyai kesan ke atas pembentukan saiz famili di masa akan datang.

Di kalangan respondan wanita ini keseluruhan nya, faktor ketiadaan komunikasi antara perangan telah memungkinkan kelambatan di dalam amalan perancangan keluarga. Ini ditandai dengan scale 'Belum pernah merancang (-)'. Untuk kualifikasi yang lebih lagi ke atas faktor ini, boleh di katakan bahawa faktor ini disebabkan dan menyebabkan sikap 'apathy' terhadap perancangan keluarga.

Faktor keugamaan dan kesihatan menyebabkan penolakan langsung terhadap amalan perancangan keluarga. Faktor sikap, diukur dari 'apathy' dan 'resignation' seseorang ibu mengenai saiz keluarga pada awalnya, boleh dianggap sebagai angkubah 'antecedent' yang kemungkinan menimbulkan sikap 'apathy' terhadap hal-hal yang berkait dengan perancangan keluarga,

Kajian ini tidak menolak lain-lain faktor yang berpengaruh seperti pengaruh rakan-rakan, media massa, nasihat jururawat klinik dan lain-lain. Kajian ini hanya mampu menganalisa faktor-faktor yang dapat di kesan melalui cara dan pengumpulan data-data yang amat terbatas.

3. Kaitan antara keadaan saiz famili, amalan perancangan keluarga dan faktor-faktor yang mempengaruhi amalan perancangan keluarga (Tinjauan di kalangan responden lelaki)

Jadual : 5.9 : Amalan perancangan keluarga dan kaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi nya.  
(Kategori 1, Kumpulan A)

APK	Perbincangan dengan Isteri		Kesihatan	Ugama	Jumlah Respondan
	Pernah	Tidak pernah			
Sedang amalkan (+)	-	1	-	-	1
Tidak pernah amalkan (0)	8	5	-	-	13
Akan amalkan (x)	-	-	-	-	-
					14

Bilangan anak sebenar responden-responden kumpulan ini ialah dari 1 hingga 5 orang.

Faktor mempunyai komunikasi atau tidak dengan isteri, mengenai saiz keluarga dan amalan percangan keluarga, didapati tidak mendorong pihak suami untuk mengamalkan perancangan keluarga. Yang didapati ialah, hampir kesemua mengharapkan isteri untuk merancang sementara seorang responden kalau boleh enggan menbenarkan isteri merancang langsung atas faktor keugamaan. Ada responden lelaki yang enggan menbenarkan

isteri mereka merancang sebelum mendapat jumlah anak yang dikehendaki. Ini ada kaitan dengan persepsi suami terhadap amalan perancangan keluarga sebagai berfungsi untuk menghadkan dan bukan menjarakkan kelahiran anak.

Jadual 5.10 : Amalan perancangan keluarga dan kaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

(Kategori 1, Kumpulan B)

APK	Perbincangan dengan isteri		Kesihatan	Ugama	Jumlah Respondan
+	Pernah	Tidak Pernah			
+	-	1	-	-	1
-	4	14	-	(1)+	18
0	-	-	-	-	-
					19

Nota: Perkara-perkara di bawah (APK), sila rujuk pada Jadual 5.9

Bilangan anak sebenar responden di dalam kumpulan ini ialah dari 1 hingga 11 orang.

Faktor dari segi ugama, didapati mempunyai pengaruh di dalam menghalang respondan lelaki daripada mengamalkan

(1)+ : Respondan ini juga tergolong di dalam jumlah responden dalam kolumn 2.

perancangan keluarga. Faktor komunikasi tidak begitu berpengaruh dalam menggalakkan perancangan keluarga di kalangan mereka. Ini jelas di mana, walaupun mereka berbincang dengan isteri di peringkat awal mengenai saiz keluarga, namun daya usaha di pihak mereka sendiri tidak ada. Ini mungkin dapat dikaitkan dengan sikap suami, bahawa pihak isteri yang barus merancang dalam apa keadaan pun.

Hanya seorang responden yang sedang mengamalkan iaitu menggunakan cara tradisional untuk merancang keluarga. Ia didapati tidak pernah berbincang dengan isteri nya.

Namun faktor tiada perbincangan dengan isteri berpengaruh dalam ketiadaan amalan perancangan keluarga di pihak suami.

Kategori 2, Kumpulan C.

(Tidak terdapat di kalangan responden lelaki)

Jadual 5.11 : Amalan perancangan keluarga dan kaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya.  
(Kategori 2, Kumpulan D)

(APK)	Perbincangan dengan isteri		Kesihatan	Ugama	Jumlah Respondan
	Pernah	Tidak pernah			
+	-	-	-	-	-
0	-	8	-	-	8
x	-	-	-	-	-
					8

Nota: Perkara-perkara di bawah (APK), sila rujuk pada Jadual 5.9

Bilangan anak sebenar bagi respondan dalam kumpulan ini ialah dari 3 hingga 10 orang.

Dari awalnya, mereka ini mempunyai sikap fatalistik dalam menentukan saiz famili mereka. Ini kemungkinan dapat menerangkan mengapa mereka sendiri tidak mengamalkan perancangan keluarga. Daya usaha untuk berbincang dengan isteri tidak timbul dan ini selanjutnya mempunyai kesan dalam penerusan sikap 'apathy' terhadap hal-hal perancangan keluarga.

Juga, kemungkinan ujud sikap yang menganggap perancangan keluarga sebagai hal wanita sahaja. Ini disimpulkan kerana ujud rasa 'empathy' di kalangan mereka iaitu membenarkan isteri untuk merancang.

Kategori 2, Kumpulan E.

(Tidak terdapat di kalangan responden lelaki)

Jadual 5.12 : Amalan perancangan keluarga dan kaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

(Kategori 2, Kumpulan F)

(APK)	Perbincangan dengan isteri		Keadaan	Ugama	Jumlah Respondan
+	Pernah	Tidak pernah			
+	1	-	-	-	1
0	2	-	-	-	2
x	-	-	-	-	-
					3

Nota: Perkara-perkara di bawah (APK), sila rujuk pada

Jadual 5.9

Bilangan anak sebenar respondan-respondan dalam kumpulan ini ialah dari 2 hingga 4 orang. Saiz keluarga yang kecil ini ingin di pertahankan oleh respondan dalam kumpulan ini.

Di sini, didapati, faktor ujudnya perbincangan dengan isteri tidak menggalakkan suami untuk menyertai

perancangan keluarga. Tetapi terdapat seorang respondan yang mengamalkan cara tradisional (cara doa) untuk merancang keluarga.

Respondan lelaki kumpulan ini, membenarkan isteri mereka untuk merancang dan ini mencerminkan sikap mereka yang mentafsirkan perancangan keluarga sebagai urusan wanita.

Jadi, kejayaan untuk mengekalkan saiz keluarga ini banyak bergantung kepada isteri.

Jadual 5.13 : Amalan perancangan keluarga dan kaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

(Kategori 3, Kumpulan G)

(APK)	Perbincangan dengan isteri		Kesihatan	Ugama	Jumlah Respondan
+	Pernah	Tidak Pernah	-	-	-
0	-	5	-	(2)+	5
x	-	-	-	-	5

Nota: Perkara-perkara di bawah (APK), sila rujuk pada Jadual 5.9

(2)+ : Respondan ini juga tergolong di dalam jumlah respondan dalam kolumn 3.

Bilangan anak sebenar responden di dalam kumpulan ini ialah dari 3-7 orang.

Mereka tidak pernah terfikir berapa orang anak yang dikehendaki. Di peringkat awal, usaha untuk mengetahui hal-hal perancangan keluarga, didapati tidak ujud. Ini kemungkinan telah menimbulkan faktor ketiadaan komunikasi dan ini menebalkan lagi sikap 'apathy' terhadap amalan perancangan keluarga.

Selain dari sikap fatalistik mengenai saiz famili, Ujud sikap takut melanggar hukum ugama dan ini didapati menghalang amalan perancangan keluarga di kalangan setengah respondan dalam kumpulan ini.

Kategori 3, Kumpulan H.

(Tidak terdapat di kalangan responden lelaki)

Sebagai kesimpulan, dapat dianggupkan bahawa persepsi responden lelaki terhadap amalan perancangan keluarga telah melahirkan sikap 'apathy' terhadap nya. Contoh nya, pihak suami sering mentafsirkan perancangan keluarga sebagai semata-mata hal kaum wanita.

Faktor-faktor seperti tidak berbincang dengan isteri juga boleh melahirkan sikap 'apathy' terhadap

perancangan keluarga. Tetapi, walaupun ujud perbincangan dengan isteri, tidak memberi jaminan akan menggalakkan suami untuk merancang. Faktor kos kesihatan dan takut melanggar hukum ugama, kurang diperkatakan oleh responden lelaki, tetapi faktor-faktor ini tidak pula terlepas dari mempengaruhi sikap-responden-respondelelaki.

Nilai dan keyakinan dalam suatu seseorang dan sikap seseorang (sangat yang diungkap oleh beberapa ahli teori tentang keterikatan) tidak selalu menyokong yang telah dicirikan. Pada kesempatan nya, nilai ekonomi juga dalam masyarakat tidak dari nilai halan seseorang. Nilai halan seseorang ditentukan bukan yang lebih tinggi di kalangan responden lelaki (nya), berbanding dengan responden wanita (dia).

Nilai dan keyakinan dapat di hadiri sebagai sebuah pengaruh positif positif. Namun dalam konteks hal ini ant kesimpulan yang bukan dan sebaliknya, tentang hal ini tidak untuk dibantah. Selain itu masih ada dua beberapa sebab, antaranya, pergeseran kerinduan setelah "inference", seiring-seiring nya dalam konteks perbincangan menggalakkan.

## BAB ENAM

### PENUTUP

Analisa dan per bincangan di dalam kajian ini telah meninjau aspek-aspek nilai dan kos anak-anak, serta kaitan nya dengan motivasi kesuburan. Kajian juga dibuat mengenai saiz famili dan kaitan dengan amalan perancangan keluarga dan faktor-faktor yang mempengaruhinya.

Nilai dan kos anak-anak dari sudut ekonomi dan bukan ekonomi (seperti yang disarankan oleh beberapa ahli teori mengenai kesuburan) ujud dikalangan masyarakat yang telah dikaji. Pada keseluruhan nya, nilai ekonomi ujud dalam kadar yang lebih tinggi dari nilai bukan ekonomi. Nilai bukan ekonomi ujud dalam kadar yang lebih tinggi di kalangan responden lelaki (bapa) berbanding dengan responden wanita (ibu).

Nilai dan kos anak-anak dapat di kesan sebagai boleh mempengaruhi motivasi kesuburan. Namun dalam konteks kajian ini kesimpulan yang kukuh dan muktamad, tentang hal ini sukar untuk diberikan. Kelemahan mungkin ujud atas beberapa sebab, antaranya, pergantungan terhadap metode 'inference', sekurang-kurang nya dalam konteks perbincangan mengenainya.

Saiz famili didapati boleh dipengaruhi oleh amalan perancangan keluarga. Kegagalan atau kejayaan dalam mencapai saiz keluarga banyak bergantung pada faktor-faktor yang boleh mendorong atau menghalang amalan perancangan keluarga. Sikap seseorang, aspek budaya nya, faktor kesihatan dan faktor ugama, mesti dijadikan panduan dalam membuat implementasi satu-satu program perancangan keluarga.

Mereka yang di desa perlu diterangkan hakikat sebenar perancangan keluarga dan perbezaan nya dengan penggugguran. Salah tafsiran dari sudut ini, mungkin boleh menggagalkan program-program perancangan keluarga.

Lembaga Perancangan Keluarga Nasional berura-ura untuk mengkaji kemungkinan mengapplikasikan ubat tradisi sebagai tambahan kepada ubat-ubat moden untuk perancangan keluarga. (Petikan akhbar The New Straits Times, 8hb Julai, 1980). Usaha ini dialu-alukan. Metode yang mudah diterima oleh budaya satu-satu masyarakat dan selamat dari segi kesihatan patut dipertimbangkan untuk menjayakan satu-satu program perancangan keluarga. Cara-cara tradisional Melayu seperti akar-akar kayu mungkin lebih di percayai dan mudah diterima oleh masyarakat luar bandar.

Bahan Rujukan

1. Arnold, Fred, et al (1975).  
'Introduction and Comparative Analysis, Vol. 1.  
The Value of Children : A cross National Study.'  
Honolulu : East-west Population Institutes.
2. Becker, Gary S (1960).  
'An Economic Analysis of Fertility' dalam "Demographic and Economic Change in Developed Countries, a conference of the Universities - National Bureau Committee for Economic Research."  
Princeton University Press.
3. Bulatao, Rodolfa. A. (1975)  
Philippines Vol. 2 - 'The Value of Children' : A Cross National Study'. Honolulu : East-west Population Institutes.
4. Carvajal, M.J. and Geithman, David. T.  
'Family Planning and Family Size Determination'. Latin American Monograph. Monograph No: 18,  
Center for American Latin Studies - Uni. of Florida  
(1976).
5. Chen, Peter S.J.  
'Social and Psychological Aspects of fertility'.  
findings from family planning research in Singapore).

Dept. of Sociology, University of Singapore. .

6. Chilman, Catherine S (1973)

'Some Psychological Aspect of Fertility.'

Family Planning Population Policy in the  
United States dalam Fawcett, J.T (ed).

Psychological Perspectives on Population, New  
York.

7. Fawcett, James. T.

'Psychology and Population.'

(Behavioral Research Issues in Fertility and  
Family Planning).

The Population Council, New York. (1970)

8. Friedlander, Stanley and Silver, Morris.

'A Quantitative Study of the Determinants of  
Fertility Behavior'. Demography No: 4, 1967

dalam Carvajal and Geithman - Family Planning  
and Gamily Size Determination. Monograph No: 18,  
University of Florida (1976).

9. Hoffman, Lois and Hoffman, Martin (1973).

'The Value of Children to Parents', dalam  
Fawcett, J.T. (ed).

'Psychological Perspectives on Population,'

New York, Basic Bk. Inc.

10. Leibenstein, Harvey (1957)  
'Economic Backwardness and Economic Growth'.  
New York, John Wiley and Sons. Inc.
11. Marshall, J.F. and Polgar. S (eds)  
'Culture, Natality and Family Planning'.  
Monograph 21.  
Chapel Hill: Carolina Population Center.
12. Misra, B.D.  
'Correlates of Males Attitudes toward Family  
Planning.' dalam Bogue, D.J. Sociological  
Contributions to Family Planning (1966)  
Community and Family Study Center.  
University of Chicago.
13. Mueller, Eva. (1972)  
'Economic Motives of Family Limitations'.  
A Study Conducted in Taiwan, Population  
Studies. 26 (2): 383-403.
14. Poffenberger, Shirley and Poffenberger, Thomas (1973)  
'The Social Psychological of Fertility Behaviour  
in a Village in India' - dalam Fawcett, J.T. (ed)

Psychological Perspectives on Population, ~~existing~~,  
New York, Basic Bk. Inc.

15. Roziah Omar (1979/80)

'Nilai mengenai anak-anak Dalam Masyarakat  
Melayu Bandar Bertaraf Kelas Menengah, di  
Taman Ibu Kota, Kuala Lumpur.'  
Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sociologi'  
University Malaya, 1979/80,

16. Saw Swee Hock, (1968)

'Urban - Rural Attitudes Toward Family Size and  
Family Limitations in West Malaysia.'  
Kuala Lumpur: Dicetak semula hasil dari  
Seminar Kebangsaan Perancang Pertama 10hb-12hb,  
June, 1968.

17. Sung Jin Lee dan Jung Oh Kim, (1979),

Korea, Vol. 7 - 'The Value of Children: A  
Cross National Study.' Honolulu: East-west  
Population Institute.

18. Syed Ahmad (1978/79)

'Nilai Mengenai Anak-Anak dalam Masyarakat  
Melayu luar bandar di kampung Panggang, Kelantan.'

Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi,  
University Malaya. (1978/79)

19. Wong, K. Aline (1977)

'The Value of Children and the Household Economy.'  
A review of Current Value of Children Studies in  
the Developing World.'

Department of Sociology, University of Singapore.